

PERKAHWINAN HEBAT

(Bersiap Sedia Untuknya)

Dr. R. Paul Stevens

Perkahwinan Hebat (Bersiap Sedia Untuknya)

hakcipta@Tan Hwee Yong, 2013

Penulis: Dr. R. Paul Stevens

Penterjemah: Tan Hwee Yong

Looi Sook Ming

Penyunting: Tan Hwee Yong

Pereka Kulit Buku: Kee Hup Thong

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian bab, isi kandungan buku ini dengan apa jua bentuk dan dengan cara apapun, sama ada elektronik mahupun fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain, sebelum mendapat izin daripada Tan Hwee Yong di Upstream Publishing.

Diterbitkan oleh:

Upstream Publishing

C703 Block C

Perdana Condo

PJU 8/1

Damansara Perdana

47820 Petaling Jaya

Facebook: Tan Hwee Yong

Email: hweeyong@yahoo.com

Facebook: Upstream

ISBN: 978-967-11065-4-9

Dicetak oleh:

JESS CONCEPT

No. 20-0-8, Jalan 1/108C

Taman Sungai Besi

57100 Kuala Lumpur

Kandungan

Pengarang

Kata Pengantar

Bab 1	Kenapa Tidak Berkahwin Untuk Selama-lamanya?	6
Bab 2	Perjanjian Tanpa Penceraian	9
Bab 3	Mitos Perkahwinan Demi Cinta	12
Bab 4	Alasan-Alasan Betul Untuk Berkahwin	16
Bab 5	Pengatur Jodoh yang Ilahi	20
Bab 6	Apabila Infatuasi Hilang	25
Bab 7	Berkencan, Seni Yang Hilang	30
Bab 8	Kesediaan Untuk Perjanjian	35
Bab 9	Bersedia Untuk Meninggalkan Rumah	39
Bab 10	Teman Yang Mendampingi	44
Bab 11	Sesuai Untuk Satu Sama Lain	48
Bab 12	Benar Kepada Satu Sama Lain	53
Bab 13	Bertabah Hingga Akhirnya	59
Bab 14	Rayakan Seks	65
Bab 15	Kesediaan Seksual	69
Bab 16	Luka Seksual	75
Bab 17	Kuasa dan Perkongsian	79
Bab 18	Menjadi Ketua Yang Saksama	86
Bab 19	Hadiah Perkahwinan Yang Kekal	96
Bab 20	Bala Tentera Dua Orang	102
Bab 21	Mengapa Tuhan Yesus Menghadiri Majlis Perkahwinan	113

Pengarang

Dr. R. Paul Stevens berjabat sebagai Dean Akademik di Kolej Regent di Vancouver, British Kolumbia, Kanada. Bersama dengan isterinya, Gail, dia membimbing sesi untuk memperkayakan perkahwinan dan juga menjalin persahabatan rohani bagi pasangan yang sudah berkahwin. Kini, ketiga-tiga anaknya sudah berkahwin. Paulus dan Gail meluangkan waktu setiap tahun melayani Gereja di negara yang sedang berkembang seperti Kenya.

Paul memiliki tiga sarjana termasuk D.Min dari Seminari Fuller. Pelayanan penggembalaan dan pengajaran selama dua puluh lima tahun menjadi latar belakang pengalaman penulisan buku ini. Buku-bukunya yang lain ialah *Liberating the Laity* (InterVarsity Press), *Married for Good*, (IVP). *Marriage Spirituality* (IVP) dan beberapa buku latihan untuk pengajian Alkitab.

Paulus dan Gail suka meluangkan waktu mereka di kabin mereka berdekatan sisiran pantai, yang disebutkan dalam buku ini.

Kata Pengantar

Buku ini mudah dibaca, ringkas namun padat, alkitabiah, jelas dan memberi bimbingan kepada pasangan yang ingin berkahwin dan juga bagi pasangan yang sudah berkahwin tetapi masih belum meletakkan asas-asas pengertian dalam perkahwinan kehidupan mereka. Latihan-latihan tersedia bagi anda boleh digunakan bersama calon teman hidup anda atau teman hidup anda untuk memahami rencana Tuhan yang terindah buat perkahwinan anda.

Dalam Kejadian 2:24, kita sudah melihat corak ilahi yang diletakkan oleh Tuhan bagi sebuah perkahwinan. “Sebab itu seorang laki-laki akan meninggalkan ayahnya dan ibunya dan bersatu dengan isterinya, tetapi mereka tidak merasa malu” (Kejadian 2:24). Bersatu memberi kita pengertian bahawa dalam rencana ilahi penyatuan dua insan melibatkan satu perjanjian dan bukan komitmen sahaja. Perjanjian ini disaksikan oleh Tuhan kita, “... Oleh sebab TUHAN telah menjadi saksi antara engkau dan isteri masa mudamu...” (Maleakhi 2:14).

Dr. R. Paul Stevens menjelaskan perjanjian dan selok belok kehidupan perkahwinan yang praktis dengan berterus terang. Luangkan beberapa jam membaca buku ini serta merenungi ajarannya bagi perkahwinan sehayat yang bahagia.

Kami mengucapkan terima kasih kepada Cheong Seng Gee dan isterinya, Lim Eng Bee yang turut menyumbang untuk sebahagian daripada penerbitan buku ini.

Evelyn Tan Hwee Yong

Bab 1

Kenapa Tidak Berkahwin Untuk Selama-lamanya?

“Adakah kamu berfikir kami akan berjaya? Pertimbangkan salah satu dalam tiga perkahwinan berakhir dengan penceraian, adakah Jim dan saya akan menjadi salah satu daripada mereka yang akan bercerai?”

Jim dan Sally telah sampai ke rumah Bob dan Sheila Stewart untuk sesi kaunseling kedua bagi rencana perkahwinan mereka. Dalam gereja mereka, setiap pasangan yang telah bertunang ditetapkan untuk bertemu dengan satu pasangan kaunselor yang terlatih, untuk menjalin persahabatan selama beberapa bulan, pertemuan pasangan-dengan-pasangan. Bila keempat-empat mereka duduk di hadapan tungku api di ruangan tamu, Sally mendedahkan segala yang merunsingkan hatinya.

“Bila ibu saya bercerai dengan ayah saya, saya dapat melihat betapa langsung penceraian mereka telah menyakitkan hati semua anggota keluarga kami. Sebenarnya, saya pilih tidak berkahwin kecuali saya sungguh yakin bahawa kami tidak akan menjadi salah satu angka penceraian.”

Bukan setiap pasangan yang telah bertunang dapat menceritakan ketakutan yang mendalam sebegini dengan sebaiknya seperti Sally. Ketakutan seperti ini mencengkam kemampuan seseorang untuk mengikat perjanjian tanpa bersyarat. Perkahwinan, sebagaimana yang direka oleh Tuhan, bukanlah *perjanjian* demi menukar barangan dan perkhidmatan sebagaimana yang telah diaturkan sebelumnya. Bagi segelintir orang, perkahwinan adalah perjanjian untuk menunaikan hasrat emosional dan seksual masing-masing, demi saling membahagiakan, atau untuk “pencarian nafkah keluarga” serta untuk bertanggungjawab atas urusan rumahtangga dan memelihara anak-anak. Sebaliknya, perkahwinan dimaksudkan sebagai perjanjian yakni dua orang yang bersepadan bersama “demi kebaikan atau keburukan, untuk kekayaan atau kemiskinan, dalam kesakitan dan dalam kesihatan, sehingga kematian memisahkan kami.”

Perkahwinan adalah satu perjanjian perkongsian sepanjang hayat, diikrar dengan benar sungguh di hadirat Tuhan, di mana seorang lelaki dan seorang perempuan bersetuju untuk menjadi kepunyaan sesama selagi mereka hidup. Perjanjian seperti itu patutnya disaksikan oleh keluarga dan kawan-kawan dan diakui oleh kerajaan. Tuhan, dalam cara-Nya yang tidak dapat kita fahami dengan sepenuhnya memasuki ke dalam perjanjian perkahwinan dan merestuinnya.

Perkahwinan bukan satu perjanjian untuk kebahagiaan tetapi satu perjanjian untuk dipunyai, dan ia menghasilkan

sesuatu yang lebih baik daripada kebahagiaan; kematangan, kekariban, dan kelahiran cinta yang suci. Komitmen adalah satu perkataan yang sering kita dengar setiap hari, tetapi perjanjian lebih sesuai dengan kejayaan perkahwinan. Apabila komitmen terburai, perjanjian perkahwinan seperti tangan besar ilahi akan membimbing pasangan suami isteri yang tiada upaya membimbing sesama lagi. Kami direka untuk dibimbing oleh perjanjian bila komitmen kita semakin menipis. Pada masa tersebut, bila kita menghadapi kesulitan menyimpan ikrar perkahwinan, sumpah tersebut menjaga kita.

Saya pernah membina sebuah kabin tepi pantai tanpa memikirkan keperluan asas yang kukuh. Jadi saya terpaksa membina asas-asasnya selepas kabin siap dibina. Ini lebih baik daripada tidak membina tanpa asas sama sekali! Memang lebih baiklah bagi kita kalau kita membina asas terdahulu sebelum membangun bangunan. Begitu juga, dalam perkahwinan, langkah terbaik ialah membina perjanjian sebelum anda meneliti perincian halus tentang selok belok perhubungan.

Jadi, jika kamu ingin berkahwin, buku ini akan menolong kamu menerokai bersama-sama calon teman hidup kamu tentang seni berkahwin buat selama-lamanya. Saya ada dua matlamat: untuk menambah kebolehan kamu untuk membuat perjanjian dan untuk membantu kamu memahami sama ada kamu sudah bersedia membuat perjanjian.

“Ya, Sally. Kamu boleh pasti bahawa kamu tidak akan menjadi satu angka penceraian. Jika kamu membuat persiapan yang baik sebelum berkahwin, kamu boleh membuat nazar kamu tanpa berat hati, mengetahui dengan siapa kamu mengikat nazar tersebut. Tuhan perjanjian kami akan menyertai kamu bila kamu berbuat demikian. Dan kamu *boleh* berkahwin buat selama-lamanya.”

Bab 2

Perjanjian Tanpa Penceraian

Jika salah satu dalam tiga kereta Ford rosak di atas lebuhraya, kita akan menyemak untuk memastikan sama ada kereta-kereta tersebut dibuat berdasarkan rekabentuk asal. Dalam buku ini, kita akan meneliti rekabentuk asal Tuhan untuk perkahwinan. Pandanglah sekeliling kita, semakin banyak perkahwinan keretakan. Mari kita menelusuri fikiran asal Pencipta bagi perkahwinan.

Ramai orang berfikir bahawa satu perkahwinan yang berjaya bergantung kepada kemahiran seseorang dalam penyelesaian konflik dan kemahiran berkomunikasi. Ini penting, tetapi semua ini tidak dapat menyelamatkan perkahwinan seandainya tiada perjanjian.

Bertentangan dengan apa yang difikir ramai orang,

perkahwinan hari ini mungkin lebih bermutu daripada zaman ibu bapa kita. Kita bekerja keras dalam kemahiran bersahabat berbanding dengan perkahwinan dahulu. Kebanyakan perkahwinan kekurangan kestabilan tanpa perjanjian dan tidak akan berkekalan. Tiada siapa yang boleh memperindahkan mahligai perkahwinan setiap jam setiap hari. Setiap perkahwinan melalui masa keburukan. Tetapi masa “untuk keburukan” boleh menjadi masa “untuk kebaikan” jika perkahwinan itu diasaskan pada perjanjian-tanpa-penceraian.

Salah satu kenyataan yang paling menyedihkan di dunia Barat kini adalah orang masuk ke alam perkahwinan dengan pemikiran mereka boleh meninggalkannya kelak. Mereka memasuki satu persetujuan bukan perjanjian. Bila mereka melafazkan nazar mereka, mereka tetap mengekalkan satu celah emosi “jika ia tidak berjaya.” Dengan berbuat demikian, mereka membuat suatu persetujuan atau kontrak bersyarat sebagai suami isteri, dan bukannya suatu perjanjian seumur hidup.

Masyarakat kita tidak menggalakkan komitmen jangka panjang. Masa depan belum dapat diselami, begitulah juga lafazan janji “sehingga kematian memisahkan kami.” Kekurangan jaminan perjanjian menyebabkan perhubungan perkahwinan mudah terancam bila-bila masa. Sebaliknya, perjanjian memberi satu pasangan jaminan keberanian untuk berhadapan masalah, untuk berusaha menghadapi masalah dan bukan berputar-belit. Mereka boleh mengharapkan bahawa hubungan hidup yang dapat bertahan. Perkahwinan itu sendiri boleh diperbaharui berterusan.

Perkataan “perjanjian” mengambil kita kepada hati berita Alkitab. Tuhan mengikat perjanjian-Nya dengan orang Israel dengan serius, dan Kristus juga dengan pengantin-Nya,

gereja-Nya. Dalam Kitab, kita membaca, “Maka kamu akan menjadi umat-Ku, dan aku akan menjadi Allahmu” (Yeremia 30:22). Perkataan-perkataan itu mengungkapkan kesatuan hati kita dengan Tuhan. Hubungan kita dengan Tuhan adalah perjanjian dipunyai bukan perjanjian untuk saling berkhidmat. Kristus tidak berkata, “Saya akan memberi kamu penyelamatan kekal jika kamu memberi Aku pengorbanan sehayat yang cuma-cuma.” Sebaliknya, Kristus hanya berkata, “Saya engkau punya, dan engkau Aku punya. Aku tidak akan bercerai dengan kamu.”

Perkahwinan adalah analogi manusia yang hebat seperti dipanggil Rasul Paulus sebagai “rahsia” perhubungan Kristus dengan umat kudus-Nya (Efesus 5:25-32). Hosea adalah penulis Alkitab pertama yang menggambarkan perjanjian Tuhan dengan umat kudus-Nya dengan menggunakan perkahwinan sebagai analogi. Untuk Hosea gambaran tersebut berlansung dua hala. Perkahwinan Tuhan kepada Israel yang tidak setia memberi ilham kepada Hosea untuk menyimpan dan memperbaharui hubungannya dengan ketidaksetiaan isterinya Gomer. Pada masa yang sama, pengalaman perkahwinan Hosea sendiri menjadi jendela di mana beliau boleh melihat dan bertindak balas kepada hati Tuhan yakni Pengikat Perjanjian, *Yahweh*.

Membina perkahwinan adalah seperti membina rumah. Kamu bermula dengan asasnya, iaitu dalam kes ini bermakna membentuk perjanjian. Jadi, dalam bab-bab akan datang – beberapa bab ada latihan ringkas bagi kamu – kami akan menyelidiki kesediaan kamu untuk membina rumah perkahwinan. Tetapi terlebih dahulu, kita mesti bertanya kenapa kamu ingin membina rumah tersebut.

Bab 3

Mitos Perkahwinan Demi Cinta

Sekali-sekala saya bertanya isteri saya, Gail, kenapa dia berkahwin dengan saya. Selepas dua puluh lima tahun berkahwin, itu suatu soalan yang berbahaya untuk ditanya. Jika suasana hatinya senang, dia mungkin memandangi cahaya yang memantul di atas kepala saya dan berkata, “Saya tertarik dengan rambut beralun yang kamu miliki dahulu kala.” Tetapi dia juga mungkin akan berkata bahawa dia suka cara saya melayani orang; dia mendapati saya mencabar tetapi tidak bersifat suka menguasai dengan berkuku besi; dia berasa selesa bila bersama saya lagipula dia bersesuaian dengan keluarga saya.

“Mungkin masakan emak kamu,” saya akan menjawabnya dengan soalan yang sama. “Saya adalah penuntut yang lapar,

dan ayam barbeku emak awak mengiurkan. Dan ayah kamu mengetahui lebih teologi daripada semua profesor saya.” Tetapi saya mempunyai alasan-alasan yang lebih baik untuk berkahwin dengan Gail. Saya berasa selesa dengannya ya selesa sekali. Saya tidak perlu berpura-pura bagai orang yang lain. Dia membolehkan saya menjadi yang terbaik dalam diri saya; bagai angin lembut yang meniup ke atas sumbu saya.

Itulah pemikiran sedar kita. Tetapi tanpa disedari, kami berdua mempunyai keinginan dan keperluan yang mendalam dan sukar diutarakan. Bila persediaan dibuat untuk perkahwinan, kamu akan mendapati bahawa fakta-fakta yang tersembunyi ternyata lebih penting daripada perasaan cinta.

Suatu mitos gigih adalah orang berkahwin demi cinta semata-matanya. Sebenarnya, apabila dua orang disatukan dalam perkahwinan, ia bagai membongkar tungkul air kembar. Dari atas permukaan air, kita melihat apa yang menyerupai tungkul ais. Tetapi di permukaan bawah air adalah satu tungkul ais lain, sembilan persepuluh daripadanya tersembunyi. Pada permukaannya, dua orang berkata kepada satu sama lain, “Saya cintamu. Saya ingin mengahwinimu.” Tetapi di bawahnya adalah aliran kuat yang memacu mereka ke arah perkahwinan.

Misalnya, sesetengah orang berkahwin untuk memberontak. “Sewaktu saya menuju mazbah untuk upacara perkahwinan,” wanita muda ini mengakui, “saya tahu saya sudah menang!”

“Menang apa?” saya bertanya dalam kepolosan saya.

“Pertempuran dengan ayah saya,” dia berkata. “Ayah saya berkata perkahwinan saya tidak akan berterusan, dan

saya berazam, cuma kali ini, untuk menunjukkan ini tidak benar.” Tetapi akhirnya, dia kalah kepada ayahnya – dan bercerai dengan suaminya. Sesetengah orang berkahwin supaya dapat berpindah dari rumah ibu bapa mereka.

Tekanan rakan sebaya mendorong sesetengah orang untuk berkahwin. Memang sukar tidak berkahwin, apalagi kalau semua kawan sudah berkahwin. Jadi, sekalipun ia dilangsungkan separuh hati, ia tetap dilangsungkan.

Kesunyian dan kasihan pada diri sendiri juga alasan-alasan yang lemah untuk berkahwin. Kemungkinan yang lebih teruk adalah berkahwin demi menamatkan kesengsaraan orang lain. Kawan saya memberitahu saya bahawa dia berkahwin dengan isterinya untuk melihat sama ada dia boleh memberi kebahagiaan kepadanya. Isterinya terluka dalam peperangan Jerman dan jarang bersenyum. Dia berharap memberinya kehidupan gembira, namun dia tidak dapat berbuat demikian. Perkahwinan mereka tidak maju. Perkahwinan tidak dapat menambah ramuan keajaiban kepada keperibadian rakan perkahwinan kita. Kasihanlah mereka yang berkahwin kerana mengasihani seseorang!

Barangkali seorang lelaki atau perempuan begitu marah dengan kekasih lama sehingga dia terjunam ke dalam hubungan lain kerana ingin melambung kembali. Sesetengah orang mahu ratu cantik, ada juga mahu seorang pembantu rumah, ataupun pengganti ibu bapa. Apa yang paling menyedihkan adalah ramai orang tidak sedar bahawa alasan-alasan mereka tidak munasabah sewaktu mengingati seorang suami atau isteri.

Pakar sakit jiwa tahu bahawa lelaki dan perempuan kadang-kadang memilih suami atau isteri untuk menggantikan hal-hal yang hilang pada zaman kanak-kanak mereka.

Mereka mahu seorang suami atau isteri yang dapat menggantikan apa yang mereka kehilangan di rumah. Ini sering mewujudkan kembali tragedi yang telah berlaku dalam asuhan mereka sewaktu kecil. Jika kita mahu menjadi kanak-kanak dalam perhubungan, suami atau isteri yang terpaksa menjadi ibu atau bapa akan mengalami kekecewaan dengan pasangan yang enggan mendewasa. Kekecewaan ini akan bertukar menjadi amarah, dan amarah kepada perkelahian. Seorang kaunselor yang mahir boleh membantu mereka, tetapi ada baiknya menghadapi masalah ini sebelum berkahwin daripada selepasnya.

Apabila dua orang sudah lama bersahabat dalam pelbagai suasana, mereka akan menyedari alasan-alasan buruk yang mendorong mereka untuk berkahwin tanpa bantuan pakar kaunselor. Dalam persahabatan panjang pra pernikahan, di mana segala-galanya dibincangkan, segala-galanya diketahui, dua orang ini boleh mengetahui bahawa mereka mempunyai alasan-alasan yang kurang memadai untuk berkahwin dan kemudiannya membina alasan-alasan yang betul untuk berkahwin. Memang adapun alasan-alasan yang *betul* untuk berkahwin.

Bab 4

Alasan-Alasan Betul Untuk Berkahwin

Banyak perkahwinan gagal hari ini bukan disebabkan ramai orang mengharapkan terlalu sedikit dari perkahwinan malahan mereka mengharapkan terlalu banyak dari perkahwinan. Mereka datang dengan mangkuk yang kosong lalu berkata, “Saya perlukan rasa terjamin; saya perlukan kasih sayang; saya perlukan arah dalam kehidupan saya; saya perlukan ketenangan dan galakan; saya perlukan identiti; saya perlu tahu siapakah diri saya. Saya datang dengan mangkuk yang kosong kepada kamu sebab kamu orang yang hebat. Saya tahu bahawa kamu boleh mengisikannya dengan segera. “Tetapi tidak lama kemudian, suami atau isteri berkata, “Kebetulan juga saya juga mempunyai mangkuk yang kosong.” Jadi kamu saling bertukaran mangkuk yang kosong sehingga kamu menyedari bahawa perkahwinan kamu tidak berdasarkan landasan yang kukuh.

Memilih pasangan perkahwinan bukanlah sekadar memilih baju baru atau kereta baru. Ia bukan sekadar mendapat “apa yang terbaik.” Alkitab bercakap tentang perkahwinan sebagai satu panggilan hidup, satu kerjaya (Kejadian 2:22, Matius 19:6, 1 Korintus 7:17). Ia disebabkan Tuhan mengambil usaha dalam perhubungan kita. Sebahagian daripada alasan-alasan untuk berkahwin terselindung dalam sisi gelap kita. Tuhan sedang bekerja dalam diri kita, memanggil yang terbaik daripada diri kita.

Dalam Kejadian 2, Tuhan Pencipta kita digambarkan sebagai Bapa pengantin perempuan, membawa Hawa kepada Adam yang sedang menunggu. Tuhan juga berkerja dalam setiap perhubungan perkahwinan yang berpotensi, sama ada kita sedar atau tidak, melalui keperluan dan keinginan yang ditanam-Nya dalam hati kita.

Kita berupaya bersahabatan dengan yang berlawanan jenis. Tuhan bersabda mengenai perkahwinan pertama yang dicatatkan dalam sejarah dunia ini, “Tidak baik, kalau manusia itu seorang diri saja.” Maka Tuhan menjadikan penolong baginya, yang sepadan dengan Adam tetapi berlainan daripadanya. Kita direka dengan keinginan untuk jantina yang berlawanan, bukan sahaja untuk memenuhi dorongan seksual tetapi juga untuk memenuhi keinginan untuk keintiman. Perhubungan jangka pendek pakai-buang tidak dapat memenuhi keinginan tersebut.

Kita juga direka dengan keinginan untuk keintiman. Tetapi keintiman bukan sesuatu yang boleh didapati melalui sesi terapi atau melalui mempergunakan badan orang lain. Ia adalah buah seumur hidup yang boleh diperolehi apabila kita menjadi milik seseorang.

Perkahwinan juga adalah undangan untuk meningkat

kedewasaan, untuk mencapai kematangan. Martin Luther pernah berkata bahawa Tuhan telah memberi kita dua lembaga untuk pengudusan kita: keluarga dan Gereja. Hari ini terdapat ramai pasangan yang memilih untuk tidak mempunyai anak-anak sebab menjadi seorang ibu atau bapa bermakna bahawa mereka sendiri mesti berhenti menjadi anak-anak dan memikul tanggungjawab sebagai orang dewasa. Tidak ramai anak-anak memahami bahawa merekalah yang menolong ibubapa mereka untuk meningkat dalam kedewasaan mereka!

Perkahwinan perjanjian juga persediaan yang hebat untuk belajar bagaimana mencintai. Mencintai bererti mendahului keperluan suami atau isteri sebelum keperluan sendiri. Ia bukan, seperti yang dikatakan seseorang, “sesuatu perasaan yang akan kamu dapat, perasaan yang tidak pernah kamu alami.” Sebaliknya, untuk mencintai bererti membuat komitmen tanpa syarat terhadap seorang yang tidak sempurna. Ramai orang berkahwin bukan *untuk mencintai* tetapi *untuk dicintai*. Tidak lama kemudian, mereka akan berkata seperti ini: “Perhubungan kami tidak lagi memenuhi keperluan saya.”

Cinta memang keagungan yang tidak boleh dialami dalam satu malam sahaja, keghairahan seketika, atau pengaturan yang dangkal. Cinta terbaik dialami dalam konteks perhubungan di mana kunci yang mengunci kamu berdua dibuang. Kemudian kamu tidak akan mencari diri dalam penjara hubungan, kamu menerimanya sebagai taman di mana kamu boleh memupuk keperibadian dan kematangan bersama. Tuhan menjadikan perkahwinan yang tidak dapat dibatalkan kerana cinta – cinta-Nya dan cinta kita. Saya percaya inilah sebab, dalam catatan

Kejadian, Tuhan Sendirilah Pencari Jodoh.

Sesetengah orang berkahwin supaya dapat berpindah dari rumah ibu bapa mereka.

LATIHAN RINGKAS

Tulis jawapan bagi soalan-soalan berikut bila kamu bersendirian. Kemudian berbincang dengan calon teman hidup kamu.

- ◆ Tuhan membawa dua insan bersama melalui keperluan mereka yang sihat. Kenapa tidak baik untuk kamu bersendirian? (Lihat Kejadian 2:18)
- ◆ Keperluan apakah yang telah membawa kamu untuk mempertimbangkan perkongsian hidup sepanjang hayat?
- ◆ Keperluan apakah yang tidak dapat dipuaskan oleh orang lain dan perlu dipuaskan melalui persahabatan dengan Tuhan?
- ◆ Tuhan mengizinkan Adam menamakan semua ternak (Kejadian 2:19-20) supaya dia sedar akan keperluannya untuk pasangan yang tepat. Apakah keinginan yang telah diletakkan Tuhan dalam hati dirimu yang tidak pernah dipenuhi oleh orang lain?
- ◆ Kenapakah kamu berfikir bahawa keinginan tersebut mungkin boleh dipenuhi oleh pasangan kamu?

Bab 5

Pengatur Jodoh yang Ilahi

“**P**engatur Jodoh, Pengatur Jodoh, carikan aku seorang jodoh; cari seorang yang hebat. Pengatur Jodoh, Pengatur Jodoh, semak buku engkau, dan carikan jodoh yang sempurna bagiku.”¹

Satu kesilapan yang teramat berbahaya adalah untuk berfikir atau berkata selepas berkahwin: “Berkahwin dengan kamu hanya kesilapan besar.” Masa untuk berfikir begini seharusnya sebelum bukan selepas berkahwin.

Selepas sahaja kamu berkahwin, Tuhan Sendiri akan bekerjasama dengan usaha anda untuk membentuk mutu dan kestabilan dalam perkahwinan anda. Tuhan tidak bergembira atas perjanjian atau kovenan yang kosong dan kesuntukan cinta. Bila Tuhan membuat perjanjian dengan umat-Nya, Dia berbuat demikian demi untuk saling memberkati. Tuhan mempunyai keinginan yang sama untuk perkahwinan. Tuhan hendak suami dan isteri saling memberkati.

Tuhan terlibat dalam proses ini dari permulaannya. Dia menjadi Ayah pengantin perempuan dan pengantin lelaki, Tuhan yang mengatur jodoh ini.

Kejadian 2:18-25 memberi kita satu gambaran mengenai karya rahsia Tuhan dalam hati Adam dan Hawa. Tuhan mewujudkan suatu keinginan dalam Adam untuk seorang teman dengan mengucapkan kata akhir ke atas kesepiannya: “Tidak baik, kalau manusia itu seorang diri sahaja.” (2:18). Tuhan mencipta binatang-binatang lain dan membawanya ke Adam untuk memberinya peluang untuk melibatkan dirinya dengan binatang-binatang ini dengan menamakan mereka. Dengan berbuat demikian, Adam mempunyai kuasa atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara serta atas segala binatang yang merayap di bumi. (1:28). Tetapi Adam memerlukan ciptaan yang boleh dinamakannya sebagai teman sendiri. Teman yang istimewa ini akan berkongsi kuasanya atas semua ciptaan Tuhan.

Kisah ini penuh dengan usaha Pengatur Jodoh Ilahi: “Aku akan menjadikan penolong baginya.” (2:18). “Tuhan Allah membuat manusia itu tidur nyenyak.” (2:21). Secara kiasan peristiwa yang nyata ini menggambarkan Adam sebaiknya dianggap mati bila dia bersendirian. Bila Adam tidur, Tuhan “mengambil salah satu rusuk daripadanya” (2:21) dan mencipta seorang perempuan. Kemudian, Tuhan seolah-olah bagai ayah kepada pengantin, “membawanya kepada manusia itu” (2:22).

Alkitab menggambarkan manusia yang berkahwin dalam pelbagai cara. Seseengah pasangan dijodohkan oleh ibu bapa, seseengah pasangan mempunyai hubungan romantik, seseengah pasangan diperkenalkan oleh sahabat

salih yang dipercayainya, dan kadangkala penglibatan seksual yang berdosa juga berakhir dalam perkahwinan. Namun demikian, Tuhan mengambil perkahwinan yang kurang memuaskan atau perkahwinan yang dilansung atas alasan-alasan yang salah dan membinanya secara bermakna. Jadi, kita tidak boleh berputus asa atau membuat pra-anggapan.

Kita tidak patut berputus asa sebab Tuhan boleh mengambil keputusan kami yang kurang bijak dan menenunnya menjadi matlamat besar-Nya. Kesilapan muktamad ialah tidak melakukan kehendak-Nya namun kita juga tidak boleh merumuskan sebarang pra-anggapan. Perasaan “cinta” bukanlah jaminan bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu telah diberkati Tuhan dan dimulakan oleh Tuhan. Menghidupkan satu panggilan lebih daripada sekadar merasa bagus mengenainya.

Gereja Kristian mengekalkan pendiriannya bahawa perkahwinan adalah satu panggilan. Untuk “dipanggil” bermakna kamu tidak boleh hidup bagi diri sendiri atau memasuki hubungan tersebut semata-mata untuk memenuhi keperluan sendiri. Orang yang dipanggil dipilih untuk tujuan yang lebih tinggi bukan semata-mata kegembiraan peribadi sendiri. Dalam perkahwinan Kristian, kegembiraan adalah produk sampingan akibat pencarian sesuatu yang lebih daripada kegembiraan.

Jadi, Ayah pengantin dan mempelai yang sebenarnya adalah Tuhan Sendiri, bukan kehendak seks atau kehendak sosial, ataupun daya pengaruh mahupun tipu daya ibu bapa. Perkahwinan biasanya diaturkan oleh Tuhan. Itulah harapan muktamad kita dan pada masa yang sama, makna rahsia firman yang disabdakan

Yesus: “Kerana itu, apa yang telah dipersatukan Allah, tidak boleh diceraikan manusia” (Mark 10:9). Itulah sabda Yesus yang paling mendalam dan tajam mengenai perkahwinan yang dijelaskan dalam Perjanjian Baru. Ia bukan hanya ditulis untuk manusia beragama Kristian. Yesus mengisytiharkan dalam perkataan-perkataan serius dan yang memerdekakan bahawa pasangan yang memasuki perkahwinan tidak melakukan perkahwinan itu atas dasar sendiri sahaja. Mereka memberi jawapan terhadap panggilan Tuhan. Mereka berbuat demikian semasa berkenan (berpacaran) dan bila menjalin persahabatan, juga dalam waktu doa peribadi.

Catatan

1. “Matchmaker” (dari *Fiddler on the Roof’s top*) Perkataan oleh Heldon Harick, muzik oleh Jerry Bock. Hakcipta oleh Allan Music Corporation dan syarikat Trio Music.
-
-

LATIHAN RINGKAS

- ◆ Tuhan membawa satu pasangan bersama melalui apa yang kita panggil sebagai keadaan.
- ◆ Kehidupan anda bukanlah serangkaian kebetulan sahaja. Bagaimanakah kamu merumuskan berjumpa dengan calon teman hidup kamu bukan kebetulan sahaja?
- ◆ Apakah keadaan lain yang mencadangkan bahawa Tuhan telah menyertai kamu dalam pembentukan hubungan kamu?
- ◆ Bila Hawa dipersembahkan kepada Adam, Dia menyatakan puisi yang pertama dalam Alkitab, lagu pujian yang pertama. Dia berseru secara harafiah, “Akhirnya” (Kejadian 2:23). Ini seruan keriang dan kepujian. “Inilah dia, tulang daripada tulangku dan daging daripada dagingku. Dia akan dinamai perempuan, sebab dia diambil daripada laki-laki” (2:23). Adam menyaksikan bahawa Hawa memang sepertinya tetapi berlainan juga, berlainan tetapi sesuai, sesuai tetapi penuh kerahsiaan, penuh kerahsiaan tetapi boleh dikenali. Mereka bersepadan.
- ◆ Apakah yang dalam perhubungan kamu yang membuat kamu merasa kamu sesuai untuk sesama? Dalam cara apakah yang boleh kamu katakan bahawa kamu merasa selesa mengenai diri sendiri bila bersama dengan calon teman hidup kamu?

Bab 6

Apabila Infatuasi Hilang

“**A**pabila perempuan berkahwin, dia menukar perhatian Aramai lelaki untuk pengabaian seorang lelaki.”¹ Pernyataan sinis ini dibuat oleh Helen Rowland. Perpatah ini mengingatkan kita bahawa masa berkencan adalah sepenting sebelum berkahwin dan selepasnya. Jadi, masa yang baik untuk belajar sekarang!

Dalam masyarakat kita, masa berkencan atau bercinta memang masa yang baik untuk berkenalan. Tetapi, masa berkencan semakin menjadi seni yang hilang. Perkataan lama Inggeris “menarik perhatian seorang lelaki ataupun perempuan” bermakna menunggu tindak balas daripada hati lelaki atau perempuan tersebut. Menarik perhatian seseorang melibatkan pembukaan hati kepada perhubungan cinta. Ia bersemangat tetapi tidak mengawal sepenuhnya, meyakinkan

tetapi tidak mendesak. Kamu mungkin tidak sedar bahawa Alkitab memberi petunjuk kepada kita cara menarik untuk memupuk sesuatu perhubungan yang akan menjerumus ke perkahwinan. Tetapi sebelum saya meneliti hal tersebut, saya harus membuat pengakuan.

Gail bukanlah orang yang pertama yang pernah saya pikat. Masa pertama yang khas saya dengan perempuan, selain daripada emak saya, adalah masa saya masih dalam darjah empat. Saya berbohong kepada ibu bapa saya bahawa saya pergi ke suatu acara di pusat kota dengan kawan lelaki saya. Bila saya sampai ke teater kanak-kanak, saya berjumpa dengan teman wanita istimewa saya daripada sekolah.

Jadi, saya mempunyai sejarah panjang kalau bercerita tentang berkencan. Saya menghargai semua sahabat kencan saya sebab pengalaman bersahabat bersama mereka menolong saya menghargai keistimewaan masing-masing. Setiap perhubungan menolong saya mendewasa dan mengetahui jenis insan yang hendak saya kahwini.

Berkencan barangkali boleh sekerap pentas di mana seseorang menggambarkan keperibadian yang menarik untuk menawan perhatian orang ramai. Sebelum mendedahkan peribadi diri, pasangan ini akan menjalin perhubungan seks pada temujanji kedua atau ketiga mereka. Mereka percaya bahawa menyentuh, merasa dan mencumbu adalah cara yang cepat untuk menjalin keintiman. Tetapi cara-cara tersebut menghalangi perbualan, dan menghalangi pasangan tersebut daripada mengenali sesama.

John menggambarkan diri sebagai seorang lelaki gagah, tetapi dalam dirinya dia kurang keyakinan. Mary sungguh cantik dan menawan di depan umum, tetapi berasa dirinya tidak bernilai apa-apa. Keperluan batin dalam

setiap orang yang jatuh cinta dengan peribadi yang menarik ialah satu pengharapan agar dia dapat memenuhi keperluan diri. Kedua-dua mereka saling terpesona dengan tokoh yang diidam dalam diri sendiri.

Jika dua orang seperti ini berkahwin sebelum keberahian mereka hilang maka ia hanya bertahan dua atau tiga tahun. Lambat laun, setelah dua atau tiga tahun, mereka tidak dapat mengelakkan kesalahan diri dan juga pasangan mereka. Pakar psikologi memanggil ini sebagai mekanisme pertahanan kolektif. Apabila kenyataan muncul mereka mungkin akan memerlukan pertolongan pakar.

Adapun sesetengah orang berkata masalah yang terbesar dengan perkahwinan hari ini ialah dengan cara kita berkencan atau bercinta. Dengan tiada sebarang keraguan ini adalah benar, jika berpacaran atau berkencan ditakrifkan sebagai infatuasi atau cinta yang tergila-gila akan seorang dan saling goda menggoda. Hanya persahabatan yang panjang dapat menolong orang tidak melakon dalam babak drama. Kebanyakan orang memerlukan satu tahun atau lebih untuk memupuk persahabatan yang mendalam bagi memastikan apa yang ada pada mereka bukan sahaja keberahian.

Jatuh cinta dianggap oleh saintis sosial sebagai satu pengalaman kegilaan sementara. Seseorang itu akan menjadi tidak siuman secara harafiah. Pernyataan ini bererti infatuasi (jatuh cinta secara tergila-gila akan seorang) bermakna tidak waras. Walau bagaimanapun ia tidak sedemikian bagi dia yang sedang mengalami nikmat yang tidak waras.

Cinta mengambil masa, tahan lama, memberi tumpuan kepada seseorang yang sesuai, mengambil kira seseorang secara keseluruhannya, menolong seseorang menghadapi kenyataan dan menolongnya menghadapi masalah secara

nyata. Infatuasi datang secara tiba-tiba, tidak tahan lama, biasanya membawa seseorang yang tidak sepadan, menumpu perhatian pada keseronokan tubuh, dan meminggirkan semua masalah serta halangannya. Infatuasi melayang dari kenyataan ke alam romantik yang indah. Ia mengenakan jubah sempurna bagi orang yang dicintainya. Yang dikasihi hanya impian bukan kenyataan.

Masa berkencan atau berpacaran tidak perlu membawa pasangan ke infatuasi. Sebagai orang yang tertebus Tuhan, cara berkencan yang menghormati Tuhan boleh menjadi sarana yang dipilih Allah untuk menolong seseorang mencari teman hidup. Jika kita menolak cara ini, kita mesti mencorakkan cara yang lebih baik. Tuhan biasanya tidak menghantar teman hidup dalam bungkus yang istimewa. Dia meredai kita dengan melibatkan kita dalam proses ini dan mengharapkan kita mengambil inisiatif. Pendekatan yang kita ambil untuk mencari jodoh amat penting.

Catatan

1. Helen Rowland yang dikutipkan dalam Maureen Barker, ed., *The Family: Changing Trends in Canada* (Toronto: McGraw Hill Ryeron Ltd., 1984), hal.90.
-
-

Penjelasan istilah

1. Berkencan atau berpacaran- waktu yang diambil oleh pasangan yang jatuh cinta untuk saling mengenali lebih mendalam. Istilahnya dalam bahasa Inggris ialah dating.
2. Infatuasi-jatuh cinta yang tergila-gila seseorang yang mungkin bertahan sementara sahaja.

Bab 7

Berkencan, Seni Yang Hilang

Bila saya bertemu dengan Gail, saya merasa perhubungan kami berbeza daripada perhubungan saya yang dahulu. Saya tidak bermaksud orang yang hanya berkencan sekali sahaja belum siap mendengar pilihan Tuhan. Tetapi, berkenalan dengan beberapa orang dengan baik semasa berpacaran dalam kumpulan, dan dengan melapangkan masa dengan beberapa orang dapat menolong kita dalam hal ini. Perempuan boleh mengambil inisiatif tanpa merasa tercela. Berkencan bukanlah saja suatu kemahiran yang mesti dipelajari oleh lelaki.

Berkencan patutlah digalakkan dalam gereja. Biasanya lelaki Kristian segan mengambil langkah pertama untuk mengenal sahabat perempuan dengan cara istimewa kerana takut menjadi buah mulut orang. Barangkali mereka terlalu menghormati perempuan sehingga tidak mahu menggunakan

mereka untuk melampiaskan kepuasan peribadi, seperti dilihat mereka dalam diri banyak lelaki. Barangkali mereka telah dilepaskan oleh Kristus dari nafsu masa dahulu tetapi masih takut akan tindak balas diri semasa bersendirian dengan seorang perempuan yang cantik. Atau barangkali mereka hanya memerlukan galakan! Apa jua pun, Alkitab memberi kita gambaran yang menakjubkan: Tuhan kita bukanlah sahaja berminat dalam percintaan – Dia menciptanya!

Dalam bab kedua Hosea, Allah berkencan dengan pengantin-Nya, umat Tuhan, dan melalui perantaraan Hosea, kita belajar daripada Pakar-Cinta bagaimana dia memperbaiki hubungannya dengan isterinya, Gomer. Dengan mendengar perbualan Tuhan dengan Hosea, kami dijemput untuk belajar bagaimana Tuhan memberi kemesraan, kemenangan dan hikmat dalam hati umat-Nya. Tuhan berkata, “Sebab itu, sesungguhnya, Aku ini akan membujuk dia, dan membawa dia ke padang gurun, dan berbicara memenangkan hatinya” (Hosea 2:14). Ada dua rujukan di sini untuk berkencan “membujuk” dan “bercakap dengan lembutnya.” (Bahasa Ibrani secara harafiah bermakna “bercakap kepada hati”).

“*Membujuk*” hampir selalunya dipakai dalam Alkitab dalam keadaan negatif: untuk menggoda seorang dara dalam Keluaran 22, dan menimbulkan hasrat, contohnya Simson dengan Delila dalam Hakim-hakim 14. Tetapi dalam Hosea 2:16, “membujuk” mempunyai makna yang baik. Di sana, *membujuk* bermakna pujukan baik. Sebagaimana seperti semua pujukan lain, membujuk, atau berkencan boleh menjadi bahaya. Seorang yang suci tidak akan memujuk seorang lain untuk menangguhkan permilaiannya dan meremehkan prinsip moralnya.

Biasanya, lelaki yang pertama mengambil langkah pertama untuk menjalinkan perhubungan. Tetapi contoh-

contoh dalam Alkitab menunjukkan bagaimana seorang perempuan boleh mengambil langkah pertama secara peka bagi memaklumkan hasrat hatinya.

Cerita percintaan Rut dengan Boas adalah contoh bagaimana seorang perempuan menampilkan diri sebagai orang yang menawan (Rut 3:3), bersiap sedia untuk pasangan hidup yang sesuai (3:7), dan menceritakan secara terperinci tentang kepentingan hubungannya (3:9). Sesetengah perempuan Kristian bimbang mereka akan terlalu menonjol diri dan sebab itu mereka gagal memberi galakan, isyarat, atau mengambil langkah pertama yang dihargai oleh lelaki yang malu.

Ramai wanita tidak memahami keberanian yang diperlukan bagi seorang lelaki untuk menelefon seorang wanita yang disukainya. Kegelisahan meningkat jika telefonnya sibuk. Lelaki tersebut langsung tidak akan menelefon lagi seandainya kakak atau adik perempuan tersebut yang menjawab telefon!

Kali kedua saya nampak Gail, dan sebelum saya mengajak dia keluar, dia dengan sengaja berhenti bila kami keluar dari mesyuarat dan langsung bersembang dengan saya. Dia menyatakan minatnya terhadap saya dan mendorong saya mengambil langkah pertama untuk mengenalinya. Setiap orang mahu merasa istimewa dan dicarikan orang lain. Cerita kami berikutnya menjadi lebih dramatik. Saya ponteng sekolah demi berkencan dengannya. Beberapa bulan kemudian, bila dia melancong Eropah, saya menghantar setangkai orkid ke bilik hotelnya untuk harijadinya. Buat Gail perbuatan ini jauh lebih berharga daripada kos orkid ini. Biasanya, seorang wanita tahu perasaannya terhadap seorang lelaki dalam masa

awal perhubungan mereka, tetapi dia mungkin menghargai naluri ini sehingga lelaki tersebut menyatakan niat dan keinginannya.

Tetapi ingat, perkata kedua dalam nubuat Hosea menjelaskan hal memikat dan mencuri hati. Perkataan dalam Ibrani biasanya diterjemahkan hanya sebagai “memujuk secara lembut.” Perkataan itu dipakai dalam Yesaya 40:2 di mana nabi disuruh oleh Tuhan untuk memikat hati Yerusalem dengan ucapan yang mesra dan menarik.

Dari semua perkataan yang boleh dipakai oleh seorang nabi untuk membawa firman Tuhan kepada umatnya, Tuhan mengutus Yesaya dengan bahasa yang dipakai oleh seorang jejaka untuk memikat hati seorang perempuan, yakni dengan pengetahuan bahawa dia tiada apa-apa yang boleh diberi kepadanya kecuali cintanya, dan cinta yang dipercayai dalam diri mereka akan menyambutnya. Perkataan tersebut bukanlah perkataan yang ghairah dan tanpa akal, sebab secara alkitabiah, hati termasuk bukan sahaja emosi tetapi juga hati nurani. Bahasa cinta tersebut mengambil kira penghargaan dan keperluan lain orang yang dikasihinya. Ia mencerminkan sejenis infatuasi yang betul dan digambarkan sebagai sedikit gila terhadap yang disukainya. Secara terus terang, kami semua perlu memakai istilah tersebut terutamanya selepas kita berkahwin.

Jika berkencan itu suatu rayuan mesra yang menarik dan bijak terhadap hati seorang dalam jangka masa yang lama serta membenarkan seseorang untuk mengenali dan menghormati calon teman hidup mereka secara mendalam maka jenis kencan inilah yang lebih kita perlukan. Dan jenis kencan ini bukan hanya diperlukan sebelum berkahwin. Jika kita mempelajari berkencan dengan baiknya sebelum

berkahwin, kita akan mengubah perhatian daripada banyak peminat lain kepada perhatian terus-menerus daripada seorang sahaja.

LATIHAN RINGKAS

Sama seperti Tuhan ingin mengambil pengantinnya ke suatu tempat yang istimewa (kesejukan di padang gurun), untuk masa yang istimewa, untuk percakapan yang istimewa, dan untuk melakukan sesuatu yang istimewa, kita juga perlu belajar cara berkencan yang tidak mempergunakan orang. Lengkapkan keempat-empat ayat di bawah ini kemudian berkongsi jawapan kamu dengan calon teman hidup kamu.

- ◆ Tempat istimewa yang saya suka pergi dengan kamu ialah _____
- ◆ Masa istimewa yang paling saya sukai dan sambut dengan kamu ialah _____
- ◆ Perkataan istimewa yang paling bermakna yang dikatakan oleh kamu kepada saya ialah _____
- ◆ Perbuatan istimewa kamu yang meyakinkan cinta kamu terhadap saya ialah _____

Bab 8

Kesediaan Untuk Perjanjian

“**P**enyebab utama masalah dalam perkahwinan ialah tidak memperoleh apa yang diharapkan, dan menerima sesuatu yang tidak disangka-sangka daripada teman hidup.”

Kaunseling sebelum perkahwinan biasanya dapat menolong pasangan menerokai apa yang diinginkan dalam komunikasi, mertua, seks, hal kewangan, pekerjaan dan agama. Latihan kaunseling ini memberi pasangan peluang mengetahui bahawa bukan semua harapan dan dugaan mereka dapat dipenuhi oleh pasangan mereka, dan bersiap sedia menghadapi pengalaman yang tidak disangka-sangkanya. Sudah tentu kesedaran ini boleh memberi manfaat kepada pasangan pengantin baru.

Pada masa kini, perkahwinan gagal bukan sebab pasangan mengharapkan terlalu sedikit daripada sesama

sendiri tetapi sebaliknya mereka mengharapkan terlalu lebih. Sedemikianlah perkahwinan dua pihak pada moden masa kini memenuhi hasrat sendiri dan memenuhi keperluan diri sendiri. Perkahwinan telah menjadi suatu pujaan dan pada hakikatnya setiap pujaan akan mengecewakan. Tetapi apa yang akan kita lakukan dalam bab ini adalah membentuk harapan kita pada tuntutan perjanjian bukan pada pasangan perjanjian. Untuk bersedia membuat perjanjian lebih penting daripada keupayaan untuk menjadi suami atau isteri yang hampir sempurna atau sempurna. Corak asal Tuhan dalam Kejadian 2 tidak perlu diperbaiki lagi.

“Kerana itu apa yang telah dipersatukan Allah tidak boleh diceraikan manusia” (Matius 19:6) bukan hanya pengiktirafan Tuhan bagi pasangan yang berkeputusan untuk berkahwin. Perkataan-perkataan tersebut menyebut rencana rahsia Tuhan untuk mencantumkan dua insan bila mereka bersetuju untuk membuat perjanjian. Usaha membuka rahsia rencana ilahi ini adalah tugas mereka bersama.

Tuhan yang menyatukan pasangan suami-isteri bukan pastor-pastor atau lembaga perkahwinan atau pasangan baik. Tuhan bukan sahaja Ayah kepada pengantin tetapi juga Pendeta yang Merasmikannya. Dan Dia menyatukan insan apabila mereka berkahwin – sepertimana yang sanjung zaman dahulu – “seperti yang dibenarkan oleh Tuhan.”

Dalam merujuk kepada Kejadian 2 (Matius 19: 3-6) Yesus membawa kita meninjau di luar batas budaya kita ke dalam firdaus Tuhan – Taman Eden. Di situ kita boleh menemui model atau contoh perkahwinan yang tidak tercemar: seorang lelaki dan seorang perempuan disatukan dalam perpaduan yang tidak dapat dibatalkan. Kita membaca,

“Mereka keduanya telanjang, manusia dan isterinya itu, tetapi mereka tidak merasa malu” (Kejadian 2:25). Perkataan-perkataan tersebut bukan sahaja merujuk kepada ketelanjangan tubuh mereka tetapi diri sendiri mereka telanjang. Tiada keaiban, tiada penutup muka, tiada usaha mempertahankan diri.

Bila dua orang disatukan menjadi satu, seperti yang dimaksudkan Yesus, mereka tidak boleh menjadi dua lagi tanpa mencatitkan apa yang disatukan oleh Tuhan. Inilah dasar pertama dan terakhir pernyataan bahawa sesiapa yang berkahwin mesti menolak segala kemungkinan meninggalkannya.

Ada kemungkinan tiada orang lain yang dapat menjelaskan perkataan yang amat penting dalam Kejadian 2:24 dengan sebegitu mudah dan mendalam sekali selain daripada Walter Trobisch dalam bukunya *Saya Mengahwini Kamu*. Tumpuan kepada tiga frasa utama, “meninggalkan”, “bersatu dengan” dan “menjadi satu daging.” Trobisch menolong kita memahami bahawa perjanjian perkahwinan juga bersudut awam, meninggalkan ayah dan ibu; perpisahan secara peribadi, bersatu dengan; dan menjadi satu daging yakni pengasingan untuk sendiri.

“Meninggalkan” dilambangkan dengan perkahwinan, suatu tindakan di depan awam di mana dua orang menyatakan bahawa mereka kepunyaan satu sama lain di dalam perhubungan yang tersendiri ini. “Bersatu dengan” bermakna menyatukan dua orang dalam persahabatan yang akan berlangsung sepanjang hayat mereka. “Menjadi satu daging” adalah penganapan dua perkara tersebut: pasangan ini menunjukkan dengan tubuh mereka secara nyata dengan

meninggalkan dan bersatu.

Ketiadaan mana-mana satu daripada tiga bahagian yang menyatukan dalam perjanjian bermakna perjanjian tiada berlansung sama sekali. Kesediaan perjanjian ini bererti ketiga-tiganya mesti diteliti. Kami akan bermula dengan soalan, “Adakah kamu bersedia meninggalkan rumah?”

Bab 9

Bersedia Untuk Meninggalkan Rumah

Ramai lelaki dan wanita berpendapat bahawa mereka telah meninggalkan rumah sebab mereka telah berpindah ke asrama di kolej atau ke sebuah apartmen. Tetapi meninggalkan rumah lebih daripada hanya berpindah. Ia melibatkan pemindahan kesetiaan seseorang daripada keluarga lahirnya ke keluarga yang baru dengan suami atau isterinya.

Lebih daripada itu, meninggalkan rumah bermakna perpisahan dari corak keluarga yang melukai dan corak keluarga pincang yang dipelajari daripada keluarga asal seseorang. Bukan tidak lazim, umpamanya seorang ayah yang berumur empat puluh tahun mendapat persetujuan daripada emaknya mengenai cara membesarkan cucunya

sekalipun ini bermakna menyebelahi emaknya dan bukan isterinya.

Untuk meninggalkan rumah secara emosi memang sukar. Corak komunikasi yang dipelajari sejak kecil adalah seperti pita-rakaman yang sudah siap diputar semula apabila butang yang betul ditekan oleh suami atau isteri. Kadangkala ayah seseorang bukanlah begitu buruk seperti ayah yang dirakamkan dan yang disimpan dalam minda seseorang.

Ramai lelaki dan wanita tidak meninggalkan keluarga mereka dalam emosi mereka sama ada mereka meninggalkan rumah dengan marah, di halau keluar, pergi ke kolej sebagai suatu cara melarikan diri, atau tinggal di rumah dan perkahwinan mereka direstui ibu bapa. Mereka memindahkan keperluan mereka untuk diperkenan ibubapa mereka kepada suami atau isteri mereka. Hubungan yang tidak elok dalam rumah akan diulangi daripada generasi kepada generasi berikut melainkan kalau ada kesedaran dan campur tangan pemulihan. Bila orang didera dan teraniaya dari segi perasaan di rumah, mereka mesti mengakui keterbatasan ibu bapa mereka dan memaafkan kelemahan mereka. Jika mereka gagal berbuat demikian, mereka masih terbelenggu.

Bila keluarga baru dibentuk, pasangan mesti menghormati ibu bapa mereka, seperti yang diajar oleh Hukum Kelima. Tetapi menghormati ibu bapa tidak memerlukan kita sentiasa mendengar percakapan mereka. Menghormati ibu bapa bermakna memberi mereka penghormatan yang sewajarnya tanpa menolak mereka daripada kehidupan kita. Kita tidak boleh bercerai dengan keluarga kita tetapi kita boleh dan mesti beralih kesetiaan utama kita daripada

ketaatan kepada ibu bapa kepada penundukan bersama-sama kepada teman hidup kita.

Pengalaman masa kecil seseorang sama ada menyakiti hati atau tidak, boleh menjadi kelebihan paling utama yang dibawa seseorang dalam perkahwinan, jika pengalaman tersebut difahami dengan tepat. Tiada keluarga yang sempurna namun juga tiada tempat yang lebih baik untuk kita belajar cara membuat dan memelihara perjanjian bagi keluarga kita sekarang selain keluarga kita.

Amat pentinglah bagi Gail untuk belajar gaya saya berhubungan dengan keluarga saya. Dia memerhatikan bila saya marah dengan ibu bapa saya, ataupun hanya kecewa sahaja. Dia mendapati bahawa walaupun saya menghadapi kesukaran untuk memenuhi permintaan mereka, saya menghormati mereka. Ibu saya seorang yang ramah dan suka dikelilingi orang. Itu juga membentuk harapan saya terhadap keluarga saya sendiri. Gail memahami perhubungan istimewa antara saya dengan abang saya dan telah mampu mendukung perhubungan tersebut selama ini. Dan saya membuat penemuan yang serupa tentang cara Gail berhubungan dengan ibu bapanya.

Walaupun konsep ini tidak seberapa disanjung, saya percaya bahawa gaya perhubungan seseorang dengan ibu bapanya merupakan petanda bagaimana dia akan berhubungan dengan suami isterinya. Hikmat keluarga yang disalurkan daripada budaya yang tidak canggih psikologi ini berbunyi sedemikian: “Jika kamu ingin mengetahui bagaimana dia akan melayani kamu kelak, tengok bagaimana dia melayani ibunya. Tengok bagaimana dia berhubungan dengan ayahnya.” Ini terlalu dipermudahkan, tetapi hikmat ini adalah lebih baik

daripada khayalan moden bahawa seseorang boleh memulakan sebuah keluarga baru dan meninggalkan yang lama hanya dengan berkahwin. Kita berkahwin ke dalam satu keluarga. Memangnyanya, kita mengahwini satu keluarga.

LATIHAN RINGKAS

Di sini beberapa soalan untuk dijawab oleh kamu sendiri, kemudiannya berkongsi dengan calon teman hidup anda.

- ◆ Masa saya membesar, bagaimana keluarga saya mengutarakan perasaan mereka?
- ◆ Bagaimanakah keluarga saya memahami peran suami isteri?
- ◆ Bagaimana keluarga saya menyelesaikan suatu perselisihan faham?
- ◆ Bolehkah ahli-ahli keluarga saya berkata, “Saya cinta kamu?” Jika ya, bagaimana? Jika tidak, mengapa tidak?
- ◆ Masa saya kecil, bagaimana ibu bapa saya menunjukkan kasih sayang mereka terhadap saya?
- ◆ Adakah ahli-ahli keluarga saya rapat? Adakah mereka berasa bahawa mereka mendapat dukungan dan difahami? Adakah sebahagian ahli keluarga berasa bahawa keluarga terlalu rapat secara paksaan sehingga menyebabkan mereka meletakkan satu jarak di antara diri mereka sendiri dan anggota keluarga yang lain?

- ◆ Adakah saya belajar kesetiaan iaitu memikul tanggungjawab demi kesejahteraan keluarga ketika menghadapi ancaman dari luar?
- ◆ Apakah nilai-nilai yang saya pelajari daripada keluarga saya?
- ◆ Bagaimanakah saya mungkin menghadapi masalah untuk memindahkan kesetiaan utama saya daripada keluarga saya kepada keluarga baru saya?
- ◆ Apakah unsur-unsur kehidupan daripada keluarga saya yang akan saya bergabung ke dalam keluarga baru saya?
- ◆ Apakah yang telah saya pelajari tentang sifat hubungan keluarga yang mesti diubah supaya saya mempunyai perkahwinan yang berjaya? Pertolongan apakah yang saya perlukan daripada rakan saya, atau daripada orang lain untuk membuat pertukaran tersebut?

Bab 10

Teman Yang Mendampingi

Seorang rakan bilik kolej saya membuat satu senarai kualiti yang mesti terdapat dalam gadis yang akan dikahwininya. Gadis tersebut mestilah “Cik Sempurna.” Bila akhirnya dia berkahwin, bertahun-tahun kemudian, saya tidak sabar-sabar mengetahui sama ada dia telah berkompromi – atau, sebaliknya telah membina sifat-sifat yang dirumuskannya untuk menjadi suami Cik Sempurna!

Dalam bab ini dan bab yang akan datang, kami akan mempertimbangkan bagaimana satu pasangan boleh bersatu, atau menjadi satu, sesama sendiri. Kita akan

mempertimbangkan ini dari segi apa yang boleh kita berikan kepada perhubungan, bukan apa yang boleh kita peroleh. Dan kita akan membincangkan persahabatan, suatu harapan yang agak moden untuk perkahwinan.

Emak saya berasal dari sebuah kampung perikanan di pantai barat Newfoundland. Ayahnya mempunyai sebuah kapal layar dan telah melayar dua kali setahun ke Labrador, dari sana dia akan balik tiga bulan setelah menangkap ikan kod. Bila dia tidak belayar, dia berada di hutan membelah kayu. Dia berada di rumah cukup lama, untuk membesarkan dua belas orang anak dan memberitahu kami bahawa dia menyayangi setiap kami.

Maklumlah, perkahwinan memang berlainan masa itu. Datuk dan nenek saya berkahwin demi kelangsungan hidup. Mereka berharap mereka akan membawa anak-anak ke dalam dunia ini dan boleh menangkap ikan yang secukupnya dan menanam ubi kentang secukupnya untuk memberi kami makanan. Fikiran demi kepuasan peribadi tidak terlalu tampak dalam diri mereka.

Sebaliknya, dalam dunia Barat menurut Dr. William Glasser dari sudut pandangan terapi kenyataan, kita telah berpindah dari budaya demi kelangsungan hidup ke budaya identiti.¹ Kita tidak berkahwin dengan rakan sekerja yang memikul tugas melahirkan anak dan yang akan menjaga kita kelak bila kita berusia. Kita berkahwin demi mendapat seorang teman dalam pencarian identiti kita sendiri. Dalam masyarakat moden kita, kelangsungan hidup bergantung kepada penemuan dan kesedaran akan identiti kita sendiri. Kita berpendapat bahawa suami atau isteri kita mesti menolong kita mencapai hakikat ini.

Saya bersetuju dengan David Mace, pakar memperkaya perkahwinan, bahawa terdapat beberapa perubahan yang berlaku dalam perkahwinan dan keluarga hari ini :

- ◆ Perkahwinan telah berubah dari suatu lembaga kepada pengaturan teman untuk mendampingi dan bersahabat.
- ◆ Perkahwinan telah berpindah daripada rakan dengan peranan masing-masing kepada rakan yang memiliki peranan cair iaitu boleh berubah.
- ◆ Keluarga besar yang mencakupi sanak saudara digantikan dengan keluarga nuklear.
- ◆ Perkahwinan telah beralih dari berpusat kepada melahirkan anak kepada berpusat kepada kesatuan (berpusat kepada mencipta dan menikmati kesatuan).
- ◆ Perkahwinan telah berubah dari suatu lembaga jangka-pendek kepada lembaga jangka-panjang (manusia hidup lebih lama!).
- ◆ Keluarga telah beralih dari sistem satu-undi (ayah yang membuat keputusan muktamad) kepada sistem dua-undi.
- ◆ Kita telah beralih daripada suku terdekat kepada suatu suku luar (dari perkahwinan dalam lingkungan sosial dekat kepada perkahwinan bersama orang daripada kumpulan sosial yang lain).
- ◆ Kita sedang mengembalikan dalam masa kini suatu pandangan yang lebih alkitabiah tentang seks yakni yang lebih baik.₂

Jadi, bukan sahaja dalam bidang seksualiti tetapi juga dalam pencarian kita untuk teman yang mendampingi dan bersahabat, kita kembali ke pandangan alkitabiah. Tuhan menyatakan bahawa tidak baik untuk Adam bersendirian (Kejadian 2:18). Alasan pertama untuk berkahwin, mengikut corak Tuhan, bukanlah untuk mendapatkan rakan sekerja tetapi seorang pendamping. Bersedia untuk menjadi teman yang mendampingi berlainan cerita daripada sekadar bersahabat.

Catatan

1. Dr. William Glasser yang memberi ceramah beberapa tahun yang lalu di Universiti Kolumbia, Vancouver, B.C.
 2. Diubahsuai daripada David Mac, seperti yang dikutip dalam Paul C. Hansen, "Family Realtions and the Behavioral Sciences," dalam Oscar E. Feucht, ed., *Family Relationships and the Church* (St. Louis: Concordia Publishing House, 1970) hal.177
-
-

Bab 11

Sesuai Untuk Satu Sama Lain

Penekanan Alkitab bukanlah mencari teman yang sempurna, tetapi menjadi suami atau isteri yang memiliki sifat-sifat bagus untuk dikahwini. Jadi, sementara kita meneliti bahagian peribadi dalam perkahwinan, kita mesti menanyakan diri sendiri jenis teman apakah yang akan kita jadi kepada teman hidup kita.

Nabi Hosea berkata tentang *menjadi* orang yang sesuai untuk teman hidup dan bukan mencari teman yang sesuai. Hosea bercakap untuk Tuhan, semasa Tuhan berkencan dengan pengantin yang tidak sungguh-sungguh hati, Israel. Pada masa yang sama, Tuhan bercakap bukan sahaja *melalui* Hosea tetapi *kepadanya* sebagai nabi yang masih ingin berpacaran dengan pengantin yang tidak sungguh-sungguh hati: “Aku akan menjadikan engkau isteri-Ku untuk selama-

lamanya dan aku akan menjadikan engkau isteri-Ku dalam keadilan dan kebenaran, dalam kasih setia dan kasih sayang. Aku akan menjadikan engkau isteri-Ku dalam kesetiaan, sehingga engkau akan mengenal TUHAN” (Hosea 2:19-20).

Tuhan menggambarkan lima sifat seorang penyayang, dan kita boleh melihat betapa pentingnya setiap kualiti dalam perjanjian perkahwinan:

- *Salih* – kemuliaan perjanjian
- *Keadilan* – implikasi sosial perjanjian
- *Kasih setia* – pelekat perjanjian.
- *Rahmat* – semangat perjanjian
- *Kesetiaan* – amin perjanjian.

Kita akan mengkaji sifat-sifat tersebut satu per satu dalam bab ini dan bab yang kemudian.

SALIH : KEMULIAAN PERJANJIAN

Perkataan Hebrew sedek bermakna “kedudukan yang betul dengan Tuhan” yang datang sebagai hadiah (Yesaya 59:17). Salih atau soleh adalah kemurnian indah yang diberikan kepada orang yang berpegang teguh kepada Yesus dan apa yang dilakukan Yesus demi mereka. Paulus berkata sedemikian sebagai “dibenarkan oleh kerana iman dalam Kristus” (Galatia 2:16). Ia adalah dalam keadaan yang diterima dan disambut oleh Tuhan yang adil dan yang membenarkan kita melalui Anak-Nya Yesus.

Tetapi salih juga bermakna mempunyai perhubungan yang “betul.” Seorang yang salih ingin membuat yang

betul, mengambil berat tentang keadilan, menjaga mereka yang miskin dan tertindas. Salih melibatkan penjagaan perhubungan perjanjian dengan Tuhan dan orang yang kita sayangi. Memandangkan ini, pertimbangkan soalan-soalan berikut:

- ◆ Ketahuikah saya bahawa saya dalam perhubungan yang betul dengan Tuhan melalui Yesus? Ketahuikah saya dengan pastinya supaya saya tidak perlu terus membuktikannya dengan prestasi saya?
- ◆ Adakah saya ingin menyerahkan semua aspek dalam hayat saya kepada Tuhan (kewangan, pekerjaan, cita-cita, seksualiti)?
- ◆ Adakah saya ingin melakukan perkara yang betul, bukan hanya yang senang, dengan hayat saya?
- ◆ Perlukah saya berdamai dengan sesiapa sebelum saya membuat perhubungan perjanjian yang salih dalam perkahwinan?

KEADILAN : IMPLIKASI SOSIAL PERJANJIAN

Keadilan (Ibrani *mishpat*) ialah sifat dan sikap kita sewaktu kita berurusan dengan orang lain. Contohnya, Yusuf ayah angkat Yesus, dikatakan hanya seorang lelaki. Bila dia ketahu tentang kehamilan Maria “tidak mahu mencemarkan nama isterinya di muka umum, dia bermaksud menceraikannya diam-diam” (Matius 1:19). Dia berfikir bahawa kehamilannya

bermakna dia kepunyaan orang lain. Peruntukan undang Perjanjian Lama adalah untuk seorang tunang yang curang ialah direjam sampai mati (Ulangan 22:13-21). Tetapi keprihatinannya telah membimbing dia melakukan perkara yang betul. Dia bermaksud untuk bercerai dengan Maria secara rahsia dan tidak mencemarkan namanya di muka umum.

Kemudian, bila malaikat Tuhan memberitahu Yusuf dalam suatu mimpi untuk berkahwin dengan Maria, serta menanggung dengannya perasaan malu yakni suatu kehamilan yang tidak dapat diterangkan. Oleh sebab Yusuf seorang yang adil, sekali lagi dia berbuat apa yang betul. Dia tidak ingin mengkhianati aturan Tuhan, tetapi dia ingin taat kepada Tuhan. Keadilan adalah perjanjian dinyatakan dalam perhubungan yang adil dan sosial.

Sebelum kita melibatkan diri dalam perhubungan yang serius, kita mesti berkeputusan untuk melayani teman kencan kita dengan adil. Contohnya, keyakinan tentang kasih sayang jasmani mesti diselesaikan terlebih dahulu. Bila emosi kita mengebu-gebu dalam suasana yang intim, sukarlah kita ingat apa yang diajari dalam Alkitab tentang perkara tersebut, atau apa yang betul dan yang bersifat penyayang.

Keyakinan kukuh juga diperlukan bila memutuskan siapa yang kita mahu berkencan. Kekuatan kehendak seseorang boleh tergugat apabila seseorang beriman melibatkan diri secara emosi dan seksual dengan seseorang yang bukan Kristian. Alkitab bersabda jelas dan pasti tentang ketidaksuaian penyatuan begini (2 Korintus 6:14-15), dan pasangan suami-isteri yang berkahwin tidak sepadan iman boleh mengesahkan ketidaksamaan penghalaan rohani

sehingga membawa masalah kepada mereka berdua. Tetapi komitmen kepada keadilan terlebih dahulu akan menghalangi anda daripada kesilapan ini.

Mengenai keadilan, pertimbangkanlah soalan-soalan ini :

- ◆ Adakah saya memutuskan untuk bersikap adil kepada orang yang saya sayangi, bertekad untuk selalu berbuat yang betul dan terbaik bagi dia?
- ◆ Jika saya telah terlampau dalam keadaan kasih sayang fizikal, adakah saya akan membuat keputusan yang betul untuk menghentikan kelakuan sedemikian, memutuskan untuk menetapkan had yang kukuh terhadap kasih sayang tubuh sehingga saya sanggup dan berupaya untuk membuat suatu perjanjian perkahwinan yang kukuh? (Mengadakan hubungan seks di luar perjanjian bagai mencuri berkat perjanjian tanpa bertanggungjawab.)

Bab 12

Benar Kepada Satu Sama Lain

Ada pun ciri-ciri tertentu yang diperlukan supaya kita boleh menjadi seorang yang layak berkahwin. Mari kita melihat tiga ciri yang amat penting untuk setia kepada sesama.

KASIH SETIA : PEREKAT PERJANJIAN

Bahasa Ibrani mempunyai suatu ayat khas untuk cinta dalam perjanjian: *hesed*. Ayat ini yang hampir tidak dapat diterjemahkan dituliskan sebagai “cinta akan kebaikan”, “kasih setia,” “kasih sayang yang tidak berputus-putus” atau “cinta” sahaja. Tetapi ia lebih daripada cinta kerana ia termasuk kesetiaan.

Tuhan mengungkapkan *hesed* sebab keengganan-Nya untuk bercerai dengan anak-anak-Nya. Tuhan menunjukkan kasih sayang setia kepada anak-anak perjanjian-Nya. Tuhan bukan sahaja enggan untuk menjadi tidak setia tetapi juga bekerja untuk memberkati rakan perjanjian-Nya.

Seorang wanita berseru, “Saya tetap dalam perhubungan malang ini sehingga saya mati!” Dia berfikir bahawa dia sedang mengekalkan perjanjian perkahwinan oleh kerana itu dia tidak berfikir langsung tentang penceraian. Tetapi dia sebenarnya melanggar perjanjian sebab dia enggan memberkati pasangan perjanjiannya. Kasih sayang dalam perjanjian adalah kesetiaan yang mengharukan. Adakah kamu mampu lakukan hal ini?

Pertimbangkanlah soalan-soalan berikut :

- Bila saya berfikir tentang perkahwinan, bolehkah saya bayangkan sama ada terdapat apa-apa alasan untuk meninggalkan suami saya berbanding dengan tetap bersama dengannya dan selesaikan masalah kami?
- Adakah saya sanggup dan berupaya untuk menjadi seorang yang setia kepada teman hidup saya sekalipun saya tidak terasa ada keinginan untuk berkasih sayang?
- Adakah saya selalu menyelesaikan masalah dalam perhubungan, atau adakah saya sudah meninggalkan banyak perhubungan yang sudah lelah sebelum ini?

RAHMAT : GHAIRAH PERJANJIAN

Rahmat adalah perasaan belas kasihan. Perkataan dalam Ibrani *racham* menggabungkan kasih sayang seorang ibu dan kasih sayang seorang ayah dan digunakan untuk menggambarkan Tuhan sebagai ibu bapa yang rahmani (Mazmur 145:8, Yesaya 49:15, Ratapan 3:22). Perkataan tersebut bercakap tentang keprihatinan kekerabatan. “Dia bukan beban,” kata budak lelaki yang sedang membawa seorang budak laki-laki dipunggungnya. “Dia adik saya!”

Rahmat bermakna “merasa dengan” pasangan perjanjian. Masa kini kita banyak bercakap tentang mendengar dengan berempati iaitu mendengar sambil turut merasai. Mendengar dengan berempati tidak bermakna kita sentiasa bersetuju dengan suami/isteri kita, namun bersikap sedingin komputer bukanlah pencurahan belas kasihan. Seorang yang penuh belas kasihan boleh berkata, “Saya rasa ...”

Bila kita mendengar dengan penuh belas kasihan, kita mengelak daripada memberi tindak balas serta merta (kita berpeluang mendengar lebih); kita mengesahkan perasaan orang lain; kita mengenali perasaan tersebut (“Adakah saya betul bahawa kamu rasa kecewa?”); kita berfokus, kekal dalam topik itu sehingga menemukan suatu penyelesaian. Untuk menunjuk *racham* kita menghentikan apa yang kita sedang buat dan memberi dia penuh perhatian, melihat mata pasangan kita. Bila belas kasihan tidak dapat disampaikan melalui percakapan kita, adakala memberi satu pelukan sudah memadai.

Mendengar adalah suatu cara untuk menunjukkan belas kasihan. Cara yang lain adalah dengan menunjukkan pengampunan.

Biasanya dalam kehidupan yang sibuk, suami isteri memilih hubungan yang dangkal, serta meremehkan keperluan untuk mengampuni. “Lupakan sajalah. Saya tidak sempurna juga” atau “Saya memang macam itu,” adalah cara-cara untuk mengelak daripada pengampunan dosa dan penyembuhan melalui pengampunan. Kamu hanya boleh mengampuni seseorang apabila kamu mengakui dan menerima luka yang mengores kamu. Merestui atau menutupi kesalahan tidak akan menyembuhkan luka akibatnya. Berdiam diri sebenarnya suatu keganasan dalam selok belok perhubungan.

Sebaik sahaja kamu mengakui luka dan kesakitannya, kamu boleh menyerahkannya kepada Yesus yang telah menderita dengan penuh kemenangan di kayu salib untuk kita. Jika kita enggan berbuat demikian kita mungkin akan mula menyukai serta menyuburkan kesakitan. Betapa baiknya membiarkan Dia menanggungnya.

Walaupun konflik atau kesakitan dalam perhubungan kita bukan kesalahan kita, kita bertanggungjawab mencari suami atau isteri kita dan memperbetulkan keadaan tersebut. Penyembuhan boleh dicapai dalam perkahwinan bila kita boleh berkata, “Aku bersalah. Aku memohon maaf. Ampuni aku.”

Luka yang tak terampuni menimbulkan amarah, dan amarah akan berubah menjadi suatu keinginan untuk membalas dendam, kemurungan, dan kepahitan. Itulah sebabnya Yesus tidak memberi pelan yang lain selain dari pelan saling mengampuni bila menghadapi kesakitan dalam selok belok perhubungan. Jika pengampunan tidak diminta dan diberi maka akan terjadi kematian kerohanian dan emosi, serta suatu perjanjian tanpa belas kasihan.

Fikirkanlah soalan-soalan tersebut :

- ◆ Adakah saya semakin menjadi seorang yang boleh memahami masalah teman saya dan turut merasa bersamanya?
- ◆ Adakah saya mempunyai kecenderongan berbelas kasihan atau adakah saya biasanya mencaci apabila saya menemui kesalahan dalam diri orang lain?
- ◆ Apakah yang akan saya buat bila saya takut bahawa mengakui dosa (dan meminta ampun) mungkin boleh memudaratkan perhubungan daripada mendiamkan diri?
- ◆ Adakah saya bersedia memaafkan teman saya atas semua kesalahannya?

KESETIAAN : AMIN PERJANJIAN

Kesetiaan merupakan sifat yang mampu menunjukkan komitmen tanpa bersyarat dan benar-benar boleh dipercayai. Perkataan Ibrani *emuna* mencadangkan ketegasan. Ia memimpin kita untuk berkata, “Kamu boleh berharap kepada saya. Tuhan boleh diharapkan sepenuh-penuhnya, dan dalam Kristus saya semakin boleh diharapkan.” Perkataan bahasa Inggeris *amin* berasal daripada perkataan Ibrani ini. Oleh itu, kesetiaan adalah berkata “*amin*” atau “*biarlah ia menjadi*” kepada perjanjian.

Pertimbangkanlah soalan-soalan tersebut apabila kamu menilai keupayaan kamu untuk menjadi seorang yang setia:

- ◆ Bolehkah saya diharapkan untuk memakbul kata-kata saya, menepati temu janji atau janji saya?
- ◆ Adakah saya seorang yang sering memberi sokongan?
- ◆ Adakah saya berpendirian tetap? Adakah wujudnya jurang besar antara kata-kata saya dan perbuatan saya, kehidupan dalaman diri saya dan kehidupan luaran diri saya?

Kita memerlukan semua sifat tersebut untuk menjadi seorang pasangan perjanjian yang baik: kebenaran, keadilan, kasih setia, belas kasihan dan kesetiaan. Tiada seorang pun yang memiliki semua sifat tersebut, tetapi kamu boleh mengakui kelemahan-kelemahan kamu kepada Tuhan dan kepada calon teman hidup anda dan mendoakan rahmat Tuhan agar kamu boleh berubah.

Bab 13

Bertabah Hingga Akhirnya

Kesediaan seksual “satu tubuh” dalam perkahwinan adalah sesuatu yang susah difahami. Sebahagian alasannya disebabkan ramai orang pada hari ini berpendapat merekalah generasi yang paling berpengetahuan halus secara seksual dan paling berpengalaman dalam pentas sejarah. Ramai orang telah menerokainya sebelum perkahwinan. Walaupun demikian malah justru demikian, wujudlah satu generasi yang semakin tidak terjamin secara seksual dibandingkan dengan generasi sebelumnya.

Sebuah buku bertajuk “Bila masanya untuk memutuskan hubungan dengan teman anda” menunjukkan betapa kelirunya budaya sekular kini. Penulis tersebut berkata:

Pada suatu ketika malam pertama bersama adalah malam perkahwinan apabila dua insan memulakan saat intim yang canggung namun dengan penuh keyakinan bahawa mereka memang untuk sesama. Pada masa kini, Malam Pertama bukan lagi hari penentuan bagi lelaki dan perempuan yang menjadi sepasang suami isteri; Malam Pertama merupakan malam pelbagai pilihan untuk jenis kawalan kelahiran, betul atau salah teknik persetubuhannya, kemungkinan jangkitan penyakit kelamin yang menentukan sama ada akan ada Malam Kedua ... Mungkin masa kini lebih bebas, tetapi masih terdapat keinginan dalam setiap insan untuk menjadi istimewa, untuk merasa kamulah satu-satunya... satu perasaan yang tidak dapat disalami apabila teman Malam Pertama kamu masuk ke rumah kamu lantas sibuk menjawab telefonnya.”¹

Dengan mendefinisikan perkahwinan Kristian sebagai perjanjian yang wujud kesemua tiga komponen (meninggalkan untuk perkahwinan, bersatu – menjadi teman yang mendampingi, dan satu-tubuh iaitu penyempurnaan), baru kita tahu Tuhan mengenali dua insan yang benar-benar sudah berkahwin. Menjalin perhubungan seks tidak bermaksud seseorang sudah berkahwin, tetapi ia menyampaikan mesej mengenai komitmen dalam rangka satu perkahwinan. Ia direka oleh Tuhan untuk menyempurnakan perjanjian, untuk membuatnya lebih pasti dan jelas; maka tidak wujudlah seks sambil lalu atau semata-mata untuk penghiburan.

Rasul Paulus seolah-olahnya sedang menekankan hal ini dalam I Korintus 6:16 apabila dia mengutip firman dari Kejadian untuk teks asas kita. Dua orang dipersatukan dalam cara yang bermaksud perkahwinan. Perbuatan itu begitu berkesan sehingga mereka tidak boleh menafikan bahawa tiada apa-apa yang terjadi. Bila Paulus bercakap

bahawa semua dosa lain adalah ‘di luar badan’ dia tidak berfikir tentang badan sebagai tempurung jasmani seseorang, tetapi sebagai ungkapan jasmani keseluruhan seseorang. “Orang yang melakukan percabulan berdosa terhadap dirinya sendiri” (1 Korintus 6:18).

Pengampunan masih ada setelah perbuatan tersebut, dan masih ada penyembuhan. Tetapi suatu pertemuan seakan-akan satu perkahwinan telah berlaku. Dalam satu cara misteri, mahupun rohani, dua orang telah menjadi kepunyaan sesama. Masing-masing telah terlibat oleh penyatuan tersebut.

Jika mereka memilih untuk berkahwin, mereka tidak patut berbuat demikian hanya sebab mereka telah melakukan hubungan seksual. Tetapi jika mereka berkahwin, mereka mesti mengakui bahawa mereka telah terpedaya oleh fikiran bahawa mereka boleh mengasingkan perhubungan seks daripada perkahwinan. Masalah hari ini dengan seks bukanlah kekurangan seks dalam perkahwinan tetapi kekurangan perkahwinan setelah seks.

Ramai pasangan hari ini telah mengalami beberapa hubungan intim tubuh sebelum mereka berusaha menjalinkan hubungan rapat dengan seseorang buat selama-lamanya. Mereka seakan-akan golongan remaja yang dibesarkan di beberapa rumah asuhan, dipunyai hanya separa oleh ramai, tetapi akhirnya tiada dipunyai oleh sesiapa pun. Biasanya, tanpa disedarinya, orang yang mencubai seks sebelum berkahwin sedang menghakis kemampuan mereka untuk memelihara perjanjian perkahwinan.

Yang tragiknya adalah pasangan yang tinggal serumah sebelum berkahwin berfikir bahawa mereka lebih bersedia secara seksual apabila mereka merasmikan hubungan mereka, sebaliknya mereka menjadikan perkahwinan mereka lebih susah. Suatu kartun menggambarkan dua orang berbual

selepas suatu majlis perkahwinan. “Macam mana dengan majlis perkahwinan tadi?” tanya seseorang. Seorang lagi menjawab, “Saya tidak biasa dengan upacara perkahwinan moden hari ini. Mereka sepatutnya berkata “saya sudi” (“I do”) tetapi sekarang ini mereka berkata “saya sudah melakukannya” (“I already did.”) Mereka sudah melansungkan kehidupan intim mereka.

Biro Banci Amerika Syarikat menganggarkan bahawa jika pasangan yang tinggal serumah sebelum berkahwin meningkat pada kadar semasa, pasangan yang belum berkahwin yang tinggal serumah di Amerika Syarikat dan Kanada akan melebihi pasangan remaja yang sudah berkahwin.² Tidak kira betapa biasanya, seks sebelum pernikahan bukanlah persiapan perkahwinan yang baik. Sesetengah kajian juga telah memaparkan betapa membinasanya seks sebelum pernikahan.

Sikap dan kelakuan seks sebelum bernikah tidak berubah bila seseorang berkahwin. Jika seseorang bersedia untuk menjalinkan hubungan seks sebelum perkahwinan, barangkali kecenderongan lebih tinggi orang tersebut juga akan berbuat sedemikian selepas berkahwin.³ Seks sebelum berkahwin tidak menggalakkan pasangan untuk berkomunikasi, menyebabkan mereka sulit berbincang isu-isu rumit yang mesti diselesaikan sebelum berkahwin.

Berceramah tentang masalah tersebut, Dr. Walter R. Schumm seorang penyelidik kelakuan seksual berkata, “Apabila ketidakseimbangan mengembang antara keintiman emosi dan keintiman tubuh, kesannya boleh mencetuskan suatu keperluan seks yang semakin diperlukan untuk mengisi keraguan akan kekuatan yang mendasari hubungan mereka.”⁴ Schumm mencadangkan pasangan agar mengamalkan seks

hanya selepas perkahwinan atas alasan-alasan baik. Pasangan seperti ini kemudiannya boleh berkata, “Inilah sesuatu yang unik dalam saat dan ruangan ini hanya untuk perhubungan kami sendiri. Tiada sesiapa yang pernah atau yang akan menikmatinya bersama saya. Ia sesuatu bagi diri kami dan untuk kami yang amat istimewa, hanya kami sendirian dapat menghargai dan menikmatinya.”⁵

Bertentangan dengan pembbohongan yang digalakkan oleh masyarakat hedonistik (mementingkan penghiburan semata-mata) kita, seks yang tertinggi bukan seks sementara yang kusut tetapi seks perjanjian. Hanya kalau satu pasangan diakui secara awam sebagai saling memiliki – maknanya perjanjian tanpa sebarang penceraian barulah wujud peluang untuk memaksima perhubungan seks dalam pelbagai ungkapan bahasa seks. Untuk seks yang paling bererti, ia mesti terdapat keintiman psikologi yang sejajar keintiman tubuh. Tambahan pula, orang Kristian mempunyai karunia tambahan iaitu selain ini, kita ada perhubungan dengan Tuhan. Seks bukanlah hanya sesuatu yang kamu buat. Ia diri kamu. Kamu tidak boleh “membuat” cinta. Kamu hanya mencintai.

Perbuatan pertama ‘yang memberikan diri’ memerlukan pengetahuan tentang diri sendiri dan perhubungan yang terjamin di mana keintiman sebegini boleh dijalin dengan selamat. Untuk sesetengah pasangan, mereka sudah terlambat untuk memelihara ini bagi perkahwinan. Tetapi mereka tidaklah terlambat untuk memohon pengampunan, penyembuhan, dan mempersiapkan diri dengan betul sekarang bagi perkahwinan.

Catatan

1. Lois Romano, *When to Dump Your Date* (New York:Ballatine Books, 1984) hal.15.
 2. Dikutip dalam Dennis B. Guerney, *A New Design For Family Ministry* (Elgin, III:David C. Cook, 1982), hal.57.
 3. L.H.Bukstel, G.D. Roder, P.R. Kilmann, J.Laughlin, dan W.M. Sotile, "Projected Extramarital Sexual Involvement in Unmarried College Students," *Journal of Marriage and the Family* (1978), volume 40, pages 337-340.
 4. Walter R. Schumm dan George A.Rekers, "Sex Should Occur Only Within Marriage (unpublished manuscript, Kansas State University, 1984), hal.10.
 5. Schumm, hal 13.
-
-

Bab 14

Rayakan Seks

Seringkali ramai orang terperanjat apabila mempelajari bahawa Alkitab menjelaskan dengan terperinci mengenai subjek seks. Ia menunjukkan kepada kita bahawa seks memeteraikan perjanjian perkahwinan dengan begitu berkuasa. Salah satu daripada perkataan kegemaran Alkitab untuk menggambarkan pengalaman seks ialah *mengetahui*. Ia bermakna melibatkan diri dengan seorang yang lain secara mental, emosional, rohani, dan jasmani. Pengetahuan secara ini membuat perkahwinan lebih dihayati dan membawa makna yang mendalam untuk perkahwinan.

Tuhan menghayati penciptaan-manusia. Dia menciptakan kita lelaki dan perempuan dan berfirman kepada kita untuk bertambah banyak (Kejadian 1:28). Itu salah satu daripada berkat seksualiti. Tetapi Tuhan mempunyai pandangan yang lebih besar daripada peranan sekadar untuk beranak. Ia bahasa persahabatan yang bererti selalu mendampingi dan cara

menikmati bagi yang dewasa. Selain itu, ia juga cara jasmani untuk mengungkapkan kenyataan emosi dan rohani. Tambahan, seks juga wahana komunikasi perkahwinan.

Pengarang perkahwinan dan keluarga Dolores Leckey berkata bahawa disebabkan seks sungguh semulajadi, sungguh berpeluhan, begitu benar-benar manusiawi, maka ia menjadi suatu perjanjian peribadi: “Ia suatu penambahan dan penganapan layanan pasangan ini terhadap sesama yang dimulai dengan ikrar di depan awam...” Dia juga mencadangkan bahawa sama seperti yang rohani mendedahkan yang jasmani, jadi yang jasmani juga mendedahkan yang rohani. Keintiman seksual adalah penggandaan pengetahuan, pengetahuan tentang pasangan kita dan pengetahuan tentang diri sendiri. Sama seperti roti dan wain dipakai pada waktu Penjamuan Kudus untuk mendalami kasih kita terhadap Tuhan, jadi dalam perkahwinan, badan kita boleh dipakai untuk meluahkan perasaan peribadi dan kerohanian yang mendalam.¹

Dalam Alkitab, seluruh buku Kidung Agung dikhaskan untuk cinta berahi dalam perjanjian penghormatan dan kesetiaan. Dengan memberikan kita satu contoh dua orang yang meraikan seks, dan bukannya menulis satu panduan tentang bagaimana mengadakan hubungan seks, penulis alkitabiah memberi motivasi dan inspirasi, dan bukannya mengarah dan mengajar. Ia mengarahkan imaginasi kita kepada imej-imej yang sihat dan menyeluruh serta membangkitkan dalam diri kita suatu kesyukuran terhadap hadiah Tuhan yang baik.

Masyarakat kita memberitahu kita bahawa seks adalah suatu kemahiran yang mesti dipelajari dan jika hal ini tidak dipelajari dengan sempurna sebelum berkahwin,

bencana akan menimpa. Dibalikannya, Alkitab menunjukkan kepada kita bahawa ungkapan seks tidak boleh “dicuba” sebab perkahwinan tidak boleh dicuba. Jadi, ini bermakna dua orang yang tidak mengetahui tentang seks dan tidak berpengalaman dalam seks berada dalam keadaan kelebihan yang khas apabila mereka berkahwin. Mereka mempunyai keistimewaan untuk meluahkan cinta dan seksualiti mereka dalam suatu keunikan kerana perhubungan peribadi mereka yang tersendiri, dan tidak dapat diulangi yang lain. Daripada keadaan yang tidak yakin akan seksual mereka, mereka diperkuatkan oleh visi alkitabiah tentang kesatuan mereka dalam rangka perjanjian.

Pada pendapat saya, sudah terlalu banyak buku telah ditulis tentang teknik seks. Saya merasa ada baiknya kamu tidak mengambil terlalu banyak perhatian akan hal ini dan membiarkan suami atau isteri kamu menjadi pakar mengenai bagaimana dia ingin disayangi bukan pakar psikologi. Tiada seorang yang boleh memberitahu kamu bagaimana mencintai suami atau isteri kamu dengan lebih baik selain suami atau isteri kamu. Jika suami atau isteri kamu berkata, “Saya berpuas hati,” kamu telah berjaya mencintainya, tidak kira apa yang ditulis oleh pakar-pakar lain dalam buku-buku mereka.

Kidung Agung menunjukkan dua orang mengalami keberahian yang betul, masa untuk kenal-mengenal diluahkan walaupun sudah berkahwin. Ia menunjukkan dua orang kekasih mempersiapkan satu sama lain untuk mengalami kenikmatan bercinta dan dengan bijaksana memperingatkan satu sama lain supaya tidak membangkitkan dan menghairahnya sebelum diingini (2:7). Ia menunjukkan kepada kita dua kekasih mengutarakan rahsia satu sama lain dan orang lain

mendengarnya, mereka mungkin merasa malu (4:10). Selain itu, ia menunjukkan kepada kita dua orang mengungkapkan perhubungan mereka hanya semata-mata untuk sesama (5:1) dan rahsia persetubuhan mereka, hanya dengan Tuhan sebagai pemerhati sah. Beberapa pentafsir percaya bahawa Tuhan sendiri yang melafazkan kata-kata yang menggalakkan dalam Kidung Agung: “Makanlah, teman-teman, minumlah, minumlah sampai mabuk cinta!” (5:1).

Dengan menunjukkan kepada kita seks yang diilhamkan Tuhan dan yang diperkenan oleh Tuhan, Alkitab mengundang kita untuk bertaubat dari nafsu dan belajar mengasihi dengan baiknya. Kita bukan sahaja mesti bertaubat dari kenajisan dan kekosongan masyarakat kita yang telah menyalahgunakan seks, tetapi kita mesti memeluk seks yang sihat seperti yang diisytiharkan dalam Alkitab. Seks yang dihadiahkan daripada Tuhan adalah seperti yang digambarkan oleh Paulus iaitu “Kemurahan Tuhan ialah menuntun engkau kepada pertaubatan” (Roma 2:4).

Catatan

1. Dolores Leckey, *The Ordinary Way: A Family Spirituality* (New York:Crossroad, 1982), page 17.
-
-

Bab 15

Kesediaan Seksual

Sesetengah pasangan sukar membayangkan bagaimana mungkin soalannya bila dan bagaimana mengadakan pertemuan seksual boleh menjadi masalah dalam perkahwinan. Sudah tentu bila-bila masa dan cara lama baik juga – dan lebih sering lebih baik. Tetapi pada hakikatnya komunikasi yang baik tentang perkara seksual bukan semudah berkata, “Mari kita bersetubuh malam ini.” Persetubuhan bukanlah suatu perkara yang kamu buat malahan ia adalah suatu ungkapan perkahwinan kamu secara menyeluruh.

Jadi, salah satu perkara yang paling halus dalam perkahwinan ialah berkata, “Ya, saya ingin,” atau “Sebenarnya, saya memang letih malam ini, dan saya lebih suka berehat baik malam ini supaya saya dapat menjadi ‘kekasih’ yang lebih baik esok malam. Boleh?” Untuk seorang suami atau isteri untuk bertanya, “Adakah kau ingin bersetubuh?” boleh jadi satu perangkap sebab yang menjawab harus mengambil langkah yang wajar.

Ramai pasangan hanya memberi isyarat bukan lisan – lampu yang tidak dipadamkan, baju malam istimewa, minyak wangi yang paling disukai, mandian petang, atau lilin yang nyala. Isyarat-isyarat sebegitu boleh, selagi isyarat-isyarat yang diberi dan diterima jelas kepada kedua-dua pihak. Tetapi tiada yang lebih baik daripada berterusterang, sebelum masa dan selepas perhubungan seksual.

Bercakap tentang seks – harapan anda, keinginan anda, dan juga kerisauan anda – amat penting sebelum berkahwin. Tetapi adakah ia lebih penting untuk melakukan lebih daripada sekadar bercakap? Adakah pengalaman jasmani yang semakin intim sebelum hari perkahwinan cara baik untuk menyediakan diri bagi perkahwinan?

Apa yang dijelaskan kepada kita dalam Alkitab jauh lebih berguna daripada sekadar satu penjelasan terperinci tentang tingkah-laku yang dibenarkan dan yang tidak dibenarkan. Kita diberi suatu visi untuk memperkasa matlamat persiapan perkahwinan kita. Memperkasakan perkahwinan sebagai suatu perjanjian sehayat antara dua orang bermakna seks akan menjadi menyeleweng jika ia dipusatkan sebagai aktiviti jasmani. Ia adalah sakramen perkahwinan. Tuhan berkata bahawa ia bagus, lagipula Dia yang menciptanya.

Tuhan bukan sahaja menawarkan kita suatu visi tetapi juga memberi kuasa kepada kita untuk hidup dalam visi tersebut. Dia sanggup melengkapkan kita untuk menunggu sampai selepas berkahwin untuk meluahkan diri secara seksual dan untuk memenuhi perjanjian perkahwinan dengan cinta bukannya nafsu (Ibrani 13:4). Apabila kita berjalan dalam Roh Kudus dan memupuk buah Roh (kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, kelemah-

lembutan, penguasaan diri), kami dibebaskan dari memenuhi gerak-hati semata-mata ataupun sifat-sifat manusiawi yang dibawa oleh dosa (Galatia 5:16-26). Ahli-ahli psikologi memberitahu kita bahawa pengawalan naluri semata-mata adalah langkah yang penting dalam kematangan dan persiapan untuk perkahwinan. Sebenarnya kita tidak bercinta sehingga kita boleh mengawal naluri kita. “Kasih tidak melakukan yang tidak sopan (secara seksual atau dalam cara yang lain), ia tidak mencari keuntungan diri sendiri” (1 Korintus 13:5). Kasih tidak bertanya, “Batasan sejauh manakah saya perlu perhatikan sebelum saya berkahwin?” tetapi “Bagaimana saya boleh menghormati ketulusan dan kesucian calon teman hidup saya?”

Lewis Smedes telah memberi kita tiga nilai prinsip yang bermanfaat untuk ungkapan seksual yang sihat, di sini saya akan menulisnya dengan perkataan saya sendiri:

- ◆ Ia ungkapan daripada dan kepada seorang, bukan sekadar terhadap sesusuk badan, sebaliknya ia mempunyai ukuran komitmen atau tanggungjawab dalam perhubungan tersebut. Jadi, apa yang diungkapkan secara seksual juga secara lansung dipengaruhi oleh semua selok belok perhubungan itu.
- ◆ Ia ungkapan untuk merayakan kesepadanan antara dua seks ini. Perbezaan antara lelaki dan perempuan patutlah dirayakan. Seks sebagaimana yang dimaksudkan Tuhan adalah heteroseksual dan meninggikan kelebihan sesama.

- ◆ Ia ungkapan komitmen terhadap hubungan tersebut dan diarahkan ke hala penyempurnaan perjanjian perkahwinan.¹

Dalam rangka ini, adakah kita bijak meluahkan ungkapan jasmani dalam cara yang terkawal dan cara sopan sebelum melafazkan ikrar perkahwinan? Berikut adalah pemikiran yang diambil daripada pengalaman (saya sendiri dan orang lain) dan dari renungan saya tentang rencana Tuhan untuk seksualiti kita.

Secara peribadi, saya tidak bersedia untuk membenarkan masyarakat yang berdosa ini memusnahkan sesuatu yang indah yang direka oleh Tuhan, iaitu, suatu ungkapan kasih mesra yang penyayang, yang bertanggungjawab, dan yang semakin bermekar di mana pasangan-pasangan boleh bersedia untuk suatu perkahwinan alamiah. Pandangan orang bijak kuno dalam Alkitab ialah penghormatan salih yang rendah hati, bukan suatu ketakutan yang ngeri: “Ada ... hal yang menghairankan aku, bahkan, ada empat... jalan seorang laki-laki dengan seorang gadis” (Amsal 30:18,19).

Pertama, tiada sebarang keadaan yang mengizinkan persetubuhan mahupun ransangan seks sebelum persetubuhan seperti mengusap-usap atau bercumbu-cumbuan kerana tiada ikatan perjanjian antara sesama secara peribadi mahupun secara awam. Pengipasan kehangatan seks sebelum persetubuhan atau “foreplay” dan persetubuhan adalah pemberian kebahagiaan dalam rangka perjanjian. Pasangan yang terlibat dalam meransang sehingga menikmati kepuasan tidak boleh menganggap mereka masih perawan bila dijabkulkan. Kitab-kitab merujuk kepada perkara-perkara tersebut sebagai “bermain curang”

terhadap sesama (1 Tesalonika 4:6). Cinta yang tulus selalu sanggup menunggu.

Kedua, kasih sayang tubuh mestilah selalu jauh kebelakangan dalam tingkat komitmen suatu pasangan sebab memang mudahlah menjalin keintiman jasmani sehingga ia mengambil keutamaan dalam hubungan. Sebelum kamu benar-benar dikahwini, kamu belum berkahwin; pertunangan boleh dibatalkan, adalah tidak bijak (dan kejam) untuk melibatkan diri dalam sesuatu perbuatan yang kamu akan menyesalinya seandainya calon teman hidup kamu berkahwin dengan orang yang lain.

Ketiga, perasangan seperti mengusap-usap atau istilahnya foreplay sebenarnya dimaksudkan sebagai suatu permainan yang bertujuan untuk menyediakan pasangan untuk persetubuhan. “Foreplay” menyiapkan tubuh untuk perhubungan dalam beberapa cara. Merangsang sesama sehingga ke tahap yang tidak dapat berhenti lagi akan mendatangkan frustrasi serta mencuri perjanjian.

Keempat, setiap pasangan sepatutnya membaca dan membincangkan Alkitab tentang kasih sayang, nafsu, seks dalam perkahwinan, dan seks luar nikah (contohnya, 1 Korintus 6:12 – 7:40; Efesus 5:3, 22, 23; 1 Tesalonika 4:3-8; Ibrani 13:4). Mereka juga patut berdoa bersama-sama tentang hubungan jasmani mereka. Pasti, mereka patut berbincang bersama-sama apakah tingkah laku yang wajar dalam perhubungan mereka.

Kelima, sejak saya mencadangkan nilai waktu persahabatan yang panjang sebelum menikah, pasangan perlu belajar untuk berpuas hati dengan pengutaraan perasaan kasih sayang yang mudah – berpeluk ringkas dan mencium ringkas. Ramai pemimpin Kristian mengajar bahawa semestinya

tiada ungkapan kasih sayang fizikal sama sekali antara tempuh waktu bertunangan dan perkahwinan, dan hanya ciuman ringkas dan pelukan ringkas. Walaupun kadangkadang saya percaya bahawa ini adalah nasihat yang bijak, saya tidak boleh mencadangkan ini sebagai peraturan bagi semua orang. Pastinya seseorang akan berkesulitan mencari ayat-ayat Alkitab yang khusus baginya. Biasanya hujah tiada sebarang ungkapan fizikal sebelum perkahwinan berdasarkan dirumuskan berdasarkan andaian bahawa seseorang akan menjadi terguir lalu melampiaskan kasih sayang sehingga hilang pengawalan diri. Sebenarnya, kita selalu mempunyai kebolehan untuk mengawal diri dan untuk mengetahui apa yang patut kita lakukan.

Keenam, menunjuk perasaan dengan cara yang sederhana dan sesuai adalah salah satu proses pembelajaran tentang satu sama lain dan diri kita sendiri. Pengawalan diri dan kasih sayang serta cara menunjuk perasaan kasih sayang ini diperkenan oleh Tuhan. Gail dan saya tertarik kepada penampilan fizikal sesama, dan ini penting bagi kami. Daya tarik fizikal adalah salah satu daripada beberapa isyarat bahawa kami sesuai untuk satu sama lain. Jika ia hanya isyarat yang utama, maka kami terlalu mementingkan satu sudut sahaja.

Catatan

1. Diubahsuaikan oleh Lewis Smedes, *Sexs For Christians* (Grand Rapids, Mich. Eerdmans, 1976), page 42.
-
-

Bab 16

Luka Seksual

Kadangkala suatu pemikiran yang menyakitkan terjadi pada masa persiapan seksual sebelum berkahwin. Hal ini terjadi apabila salah seorang daripada pasangan merasa bahawa semua kasih sayang jasmani memalukan dan kotor; sesuatu perlu diubah kalau tidak perkahwinan akan terjadi padang gurun seksual. Maka ada lebih baiknya pasangan ini mendapat kaunseling bagi masalah ini sebelum berkahwin daripada selepas berkahwin.

Dalam perkara ini, kalau seorang daripada pasangan tersebut pernah menjalin perhubungan seks dengan orang lain, pentinglah perkara tersebut diberitahu pada masa yang sesuai sebelum perkahwinan. Butiran tentang tempat, nama, masa, dan peristiwa bukan sahaja tidak perlu diberitahu

malahan tidak bijak kalau didedahkan. Bila pasangan yang dara, sekalipun dengan pertolongan seorang kaunselor, tidak dapat menerima pasangan yang tidak dara itu maka baiklah mereka tidak berkahwin. Kegagalan untuk berurusan dengan perkara ini mungkin boleh menyeret rasa bersalah seksual kedalam perkahwinan, serta menyebabkan pasangan yang aktif secara seksual sebelum berkahwin menjadi pasangan yang membeku selepas berkahwin. Corak pendedahan bersama ini adalah penting jika pasangan ini ada jalinan homoseksual atau mempunyai masalah tabiat masturbasi.

Adapun wanita yang pernah didera secara seksual, sesetengahnya oleh bapa atau abangnya. Mereka mungkin membawa ketakutannya ke dalam perkahwinan sehingga tidak dapat menikmati pengalaman seksual... “Mencuba” persetubuhan dengan calon teman hidup mereka untuk memastikan mereka boleh “melakukannya” mungkin kelihatan seperti menghapuskan ketakutan, tetapi ia tidak dapat menyembuhkan luka. Bila, selepas berkahwin suami memulakan seks dengan cara yang sama dengan pendera isterinya, fikiran sang isteri akan merakamkan rasa kebencian—sebahagiannya menyukainya dan sebahagiannya membencinya.

Jauh lebih mudah ialah memupuk kasih sayang tanpa sebarang bentuk hubungan seksual merupakan pendekatan yang lebih baik untuk mengetahui sama ada seorang pasangan akan membeku kalau disentuh atau boleh menyambutnya. Kaunseling untuk menyembuhkan kesan-kesan yang tertinggal akibat dirogol, sumbang mahram (hubungan seksual antara ahli keluarga), penderaan seksual dan pengguguran sebelum berkahwin dan bukan selepasnya penting. Tetapi jika belum dan sudah berkahwin lebih

baik mendapat kaunseling daripada langsung tidak ada.

Dalam perhubungan yang sihat di mana kasih sayang diungkapkan secara fizikal, seseorang boleh mempelajari menghormati tindak balas, keperluan, had dan luka pasangan. Corak maklum balas lisan yang baik dapat dipelajari sebelum berkahwin.

Adalah sungguh tidak bertanggungjawab jika kita tidak mengajar pemuda-pemudi tentang prinsip moral yang boleh digunakan dan yang mematuhi prinsip-prinsip Kristian. Ia salah satu bidang di mana gereja mestilah menjadi perintis dan bukan hanya menjadi ambulan bagi yang sakit.

LATIHAN RINGKAS

1. Saya berpendapat seksualiti adalah hadiah daripada Tuhan dalam cara begini _____
2. Saya sukar mempercayai bahawa seks adalah pemberian daripada Tuhan khususnya dalam _____
3. Apa yang paling penting untuk diketahui oleh calon teman hidup saya mengenai sikap saya terhadap seks ialah _____
4. Teladan dan ajaran ibu bapa saya tentang hal-hal mengenai seks yang merupakan pengaruh baik ialah _____

5. Ketakutan terbesar saya dalam menghadapi hubungan seksual kami pada masa depan ialah _____
6. Apa yang calon teman hidup saya mesti mengetahui tentang saya agar dapat memberi tindakan baik seksual kepada saya ialah _____
7. Saya berpendapat cara untuk mengambil langkah pertama dalam perhubungan seksual harus datang daripada _____
8. Cara yang terbaik untuk memberitahu pasangan saya bahawa saya rindu akan kasih sayang fizikal ialah _____
9. Saya berpendapat bahawa kami harus mampu bercakap tentang godaan seksual yang sedang kami alami di luar perhubungan kami kerana _____
10. Satu perkara yang lalu yang perlu kami bincangkan sebelum kami berkahwin ialah _____

Bab 17

Kuasa dan Perkongasian

Gail dan saya berpendapat bahawa kami mempunyai perkahwinan Kristian yang memang agak “bebas.” Bila kami menjawab borang soal-selidik tentang bagaimana kami akan membuat keputusan bila membeli barang, mengadakan hubungan seksual, atau bercuti, kami mempelajari bahawa kami berdua sama-sama terlibat. Sekali selepas menemui kebersamaan kami, saya bertanya kepada Gail, “Kalau kami rakan kongsi yang setaraf, bagaimana pula saya boleh menjadi ‘ketua’ kamu seperti yang tercatat dalam Efesus 5:23?”

“Berhenti merungut,” jawab Gail. “Ini sebabnya saya biar kamu mengepalai dengan begitu mudah.” Jawapan alamiah tersebut merupakan kunci mengepalai dan menunduk secara alkitabiah.

Isu kuasa adalah perkara yang sangat penting apabila berkahwin. Setiap perkahwinan ibarat satu-undi atau dua-undi. Penting kedua-duanya bersatu bersama-sama dalam “undian,” jika tidak, bersedialah menyerah kepada pasangan kamu dalam hal yang sesuai. Baiknya berbincang tentang agenda kuasa dengan sesama sebelum berkahwin daripada selepasnya.

Kadangkala dalam perkahwinan seorang lelaki memutuskan untuk mengawal dalam bentuk kuasa tuntas yang mentah, dan adakala dicamkannya sebagai cara mengetuai yang alkitabiah. Dia membuat keputusan secara terang-terangan atau secara rahsia untuk isterinya. Mereka berdua mungkin mengawal sesama dengan melampiaskan kemarahan, menarik balik kasih sayang, wang, atau keperluan-keperluan lain. Kadangkala isteri cuba untuk mengawal hubungan dengan bermain sebagai mangsa, dengan merengek “kasihan saya” dan dengan sentiasa sakit, atau enggan membuat sebarang keputusan.

Suami kelihatan seperti lemah dan longlai tetapi sebenarnya dia mengawal hubungan tanpa diketahui; ketidakinginan untuk menjaga kehidupan mereka maka ini mendesak isterinya untuk mengambil alih kawalan. Sememangnya orang yang kurang berminat dalam perhubungan sebaliknya paling berkuasa. Dia yang mengawal dengan berpura-pura tidak dapat membuat keputusan.

Biasanya ‘kuasa-bermain’ ini sudah tampak dalam pasangan sebelum mereka dijabkabulkan. Pasangan yang kurang berminat menjauhi dirinya daripada pasangannya sehingga memaksa dia untuk mengejarnya. Jika pasangan yang mengejar berhenti mengejar, pasangan yang kurang berminat itu akan berhenti berlari. Permainan yang sedih

ini dimainkan oleh ramai pasangan sebelum berkahwin, dan patut dihentikan sebelum ia disulamkan sebagai gaya hidup dalam perkawinan.

Ancaman untuk membunuh diri jika perhubungan diputuskan merupakan suatu bentuk pengawalan serius yang mungkin muncul semasa berpacaran. Sebarang ugutan yang menyebabkan pemisahan mustahil dilakukan merupakan permainan kuasa. Tingkah laku sedemikian membuatkan seseorang dalam perhubungan tersebut terperangkap. Namun tiada siapa yang boleh diperangkapkan untuk membuat perjanjian. Pasangan tersebut tidak patut berkahwin, sekurang-kurangnya belum lagi!

Perjanjian tidak boleh diikrarkan tanpa keizinan daripada kedua-dua pihak. Ini adalah sesuatu yang ditegaskan oleh Gereja Kristen. Dan keizinan bukan hanya setakat lisan ataupun sebutan, tetapi mesti dilafazkan daripada *hati*. Seorang wanita muda berkata bahawa apabila paderi perkahwinan bertanya sama ada sesiapa di sana boleh mengajukan sebab yang adil sehingga mereka tidak patut dikahwinkan secara sah, dia ingin menjerit, “Saya mempunyai satu bantahan!” Dia berpendapat sudah terlambat baginya untuk berundur namun dia tidak berbuat begitu. Sebenarnya lebih baik dia berpaling dan melangkah keluar dari majlis ini daripada mencari ikhtiar sah untuk keluar daripada perkahwinan kelak.

Jadi, kuasa adalah isu besar yang mesti diselesaikan sebelum berkahwin. Pendekatan Kristen tentang selok belok perkahwinan adalah penyerahan radikal kepada sesama. Penyerahan kepada sesama akan menolong suami isteri merentasi isu-isu pengawalan dan pematuhan dan memperbolehkan mereka menyerahkan hak kepada satu sama lain, mengharmonikan

kepentingan peribadi, saling membuat keputusan bersama, dan memperkasa sesama. Suami memperkasa isterinya dengan memenuhi keperluannya, menghormati batasannya, dan membuat pengorbanan baginya. Isteri memperkasa suaminya dengan menghargai dan menghormatinya. Dalam kedua-dua kes ini, kita bercakap tentang pemberian dan kasih karunia bukannya tugas dan hak.

Malangnya, pendapat utama bahawa suamilah yang sepatutnya menggunakan kuasa atas isterinya dikemukakan oleh sesetengah orang sebagai “corak alkitabiah.” Kezaliman perkahwinan seperti itu mengkhianati pemahaman yang serius tentang perintah Alkitab.

Meninjau beberapa cara juga, saya dan Gail boleh dikatakan memiliki perkahwinan yang agak tradisional. Kami mempunyai sebab-sebab alkitabiah untuk tidak menganut gagasan tiada peran, mesti ada kerjaya yang sepadan, tiada perbezaan ciri antara lelaki dan perempuan. Seruan untuk ‘hak sama dan kesaksamaan sebagai manusia’ telah menghilangkan sesuatu yang alkitabiah yang indah: perhubungan suami-isteri sebagai analogi perhubungan Kristus dengan pengantin-Nya yakni Gereja-Nya.

Pengajaran alkitabiah rasul Paulus ialah seorang suami patut mencintai isterinya sehingga dia sanggup berkorban sepertimana Yesus mencintai Gereja dan telah menyerahkan diri-Nya baginya (Efesus 5:25). Suami mengasihi isteri lebih daripada dilayaknya; itulah pemberian indah kepada isterinya dan itulah apa yang dimaksudkan sebagai mengepalai sebagai seorang lelaki dalam perkahwinan. Firman ini bertentangan dengan budaya seantero semasa terutamanya jika suami berpendapat bahawa mengepalai bermakna bererti memegang kuasa. Suami tidak dipanggil untuk menjadi raja yang baik

hati di rumah, tetapi hanya untuk bersikap baik hati. Dia dikurniakan menjadi ketua sepertimana Yesus menjadi ketua. Suami tidak diajar mengharapkan ketaatan atau untuk memastikan isterinya hanya penurut. Dia memiliki panggilan sendiri yang tinggi daripada Tuhan sebagai suami unik bagi isterinya.

Demikian pula, bila Paulus berbicara kepada isteri-isteri, dia tidak memberitahu mereka untuk memastikan suami-suami mereka memberi kasih sayang dan pengorbanan sebagaimana yang diberi oleh Kristus. Seorang isteri mempunyai panggilannya sendiri yang tinggi juga. Seorang isteri memberi karunia kepimpinan kepada suaminya dengan ‘menunduk’ kepadanya (Efesus 5:22,24) dan memberi ‘penghormatan’ kepadanya (5:33). Itu tidak bermakna bahawa seorang isteri adalah terikat untuk membuat apa yang dikatakan oleh suaminya tanpa merengek. Tiada suami yang waras ingin isterinya menjadi tawanannya, dan Kristus juga tidak melayan Gereja-Nya sebagai budak-hamba malahan sebagai rakan sekerja-teman (Yohanes 15:15, Efesus 5:25).

LATIHAN RINGKAS

Latihan ini bertujuan menolong anda menjelajah sedikit tentang peran-model suami/isteri yang akan kamu bawa ke dalam perkahwinan kamu. Yang penting diperhatikan ialah kamu tidak menerima penjelasan peran-model suami/isteri orang lain tetapi model yang dipersetujui kamu berdua. Saya mencadangkan agar anda dan rakan anda menjawab soalan-soalan yang berikut berasingan lalu membanding jawapan-jawapan anda.

- ◆ Dalam perkahwinan ibu bapa kamu, bagaimana keputusan berikut dibuat? Tulis 'P' untuk ibu bapa dalam skala 1 – 5:

isteri		dikongsi sepenuhnya		suami
1	2	3	4	5

Siapa yang membeli banyak barang

Cara mengasuh anak-anak

Cara menggunakan masa lapang

Bimbingan rohani keluarga

Bila melawat saudara-mara

Rancangan hari cuti
Tinggal di mana

Kehidupan sosial dan persahabatan

Bagaimana wang disimpan dan dibelanjakan

- ◆ Sekarang semak senarai sekali lagi dan tanda 'M' dalam ruangan yang terbaik untuk mewakili bagaimana kamu mengingini keputusan tersebut mewakili perkahwinan anda. Ingat, jangan memberitahu keputusan kamu kepada rakan kamu sehingga kamu menjawab dengan jujurnya. Kemudian, bandingkan jawapan kamu dan berbincang tentang keputusan-keputusan kamu.
- ◆ Adakah kamu berpendapat bahawa peran suami isteri patut berbeza dengan peran yang dialami oleh ibu bapa kamu? Bagaimana?
- ◆ Apakah yang boleh dilakukan oleh calon teman hidup kamu untuk memperkukuhkan kamu dan membuat kamu merasa kamu menguasai hidup sendiri?
- ◆ Apakah yang perlu diketahui calon teman hidup tentang diri kamu sebelum kamu berdua dapat berperanan baik sebagai suami isteri?

Bab 18

Menjadi Ketua Yang Saksama

Untuk ramai orang hari ini, perkahwinan yang sempurna melibatkan peran yang boleh saling bertukaran dengan teman hidup mereka. Mereka ingin menghapuskan perkataan yang ‘kaya’ seperti *suami isteri* dan menggantikannya dengan *pasangan hidup*. Dalam menghadapi aliran pemahaman barat yang membabi buta mengalu-alukan androgini (penggabungan jantina), saya ingin mengesyorkan kes perbezaan seksual dalam perkahwinan, sekalipun perbezaan tersebut amat sukar didefinisikan dan lebih sukar lagi untuk merangkumi peran atau tugas masing-masing dalam perkahwinan.

Secara umum, seolah-olahnya ciri-ciri “kewanitaan” (seperti naluri, keterbukaan emosi, kemampuan untuk memberi balasan atau reaksi, dan penghubungan empati iaitu turut merasa) dan ciri-ciri “kelakian” (seperti berfikir secara berakal,

kemampuan mengekang perasaan, dan sifat agresif, lebih berani bertindak dan aktif) adalah ciri-ciri yang wujud dalam kedua-dua jantina dan boleh dipengaruhi budaya. Saya mengakui bahawa perkara ini hangat diperdebatkan.¹ Sudah pun berabad-abad bukti perbezaan antara jantina tidak dipersoalkan, dan kita memang mempunyai sebab alkitabiah untuk meraikan perbezaan ini. Perkahwinan, seperti Paulus berkata, adalah “suatu rahsia besar ... hubungan Kristus dan Gereja” (Efesus 5:32). Ia suatu perumpamaan duniawi yang mempunyai rahsia syurgawi. Menghidupkan rahsia ini dalam rumah bermaknanya perkahwinan ini perlu dihayati dengan mendalam. Kita dengan sedar memahami wujudnya seorang suami dan seorang isteri, bukan wujudnya dua pasangan hidup yang memiliki peran yang boleh silih bertukaran.

Alang nasib baiklah Alkitab tidak menyebutkan peran secara perincian bagi lelaki dan perempuan dalam perkahwinan. Tiada satu ayat pun yang dapat memberi penjelasan tugas suami atau isteri. Efesus 5:21-33 menggambarkan semangatnya, bentuknya dan sebabnya suami isteri perlu saling menunduk, namun ia tidak mendefinisikan perannya.

Menjadi suami isteri *bukanlah* seperti bercakap dan berlakon bahagian mengikut skrip yang disediakan. Ia lebih seperti menulis drama sendiri mengikut garis besar yang ditulis oleh orang lain. Kita tahu bagaimana drama ini berakhir, apakah peran kita, dan mengapa kita sedang memainkan peran itu. Drama berakhir dengan perkahwinan hebat Kristus (mempelai) dan Gereja (pengantin perempuan). Garis plotnya ialah suatu pengembaraan untuk mencari selok belok pengalaman hidup pernikahan yang boleh menjadi jendela jiwa kita. Kita juga ketahu mengapa kita sedang

memainkan peran kita: iaitu adalah satu penyembahan kita kepada Kristus, atau sebagaimana Paulus berkata, “Tunduklah kepada satu sama lain dengan takut akan Kristus” (5:21).

Setiap pasangan bebas menulis ayat-ayat sendiri mengikut keperibadian mereka dan pemberian yang diberi oleh Tuhan. Tiada siapa yang dapat memainkan peran orang lain. Patricia Gundry dalam *Waris Bersama* berkata, “Bagaimana saya boleh mencintai kamu sedangkan kamu sebenarnya mencuba dengan sungguh-sungguh menjadi orang lain? Dan bagaimana kamu boleh mencintai saya yang sebenarnya sedangkan saya mencuba untuk menjadi orang yang lain?”²

Walaupun saya tidak dapat mendefiniskan secara terperinci apa ertinya suami menjadi ketua, saya berpendapat sesuatu yang penting boleh dan harus disebutkan. Mengepalai dalam perkahwinan, sebagaimana yang saya fahami, adalah keutamaan dalam rangka perhubungan yang sederajat. Bagi pihak suami, keutamaan ini bermakna dialah yang pertama sanggup mengikut jalan salib, yang pertama rela berkorban dalam perhubungan. Bagi pihak isteri, keutamaan melibatkan memberi penghormatan dan kemuliaan yang menempatkan suaminya pertama dalam perhubungan mereka. Bila suami dan isteri berhubungan antara satu sama lain menurut cara-cara sedemikian, mereka akan mengalami perkongsian penuh, kesaksamaan, dan saling melengkapi.

Saya mengakui memang sukar berbincang tentang “keutamaan dalam perhubungan yang sederajat,” sebab kesaksamaan dan keutamaan yang tulus jarang wujud dalam perhubungan di banyak masyarakat. Perkahwinan telah dicorakkan sebagai satu misteri/rahsia Allah, dan oleh itu kita perlu mencari corak yang lebih tinggi dan melampaui yang biasa.

Amanat alkitabiah untuk hidup mengikut corak yang kita sebutkan datang bukan sahaja dari pernyataan Paulus dalam Efesus 5:33 tetapi juga fakta bahawa lelaki dan perempuan diciptakan menurut gambaran-Nya (Kejadian 1:27).

Mengepalai melibatkan menyanjung, memelihara, kasih sayang, dan membina perhubungan perkahwinan. Ia bermakna lelaki biasanya bertanggungjawab menyediakan bagi isteri dan anak-anaknya dan melindungi perhubungan dan isterinya.

Dalam ‘drama’ saya dan Gail sedang menulis, ia berkarya seperti ini. Kami berkongsi sepenuhnya semungkinnya untuk kepemimpinan perkahwinan dan rumahtangga. Tetapi jika perkahwinan mulai merosot atau kasih sayang kami mulai dingin, saya percaya sayalah yang perlu memulakan langkah-langkah memperbaharui perjanjian pernikahan kami. Lumrahnya kebanyakan wanita yang mula-mula khuatir akan perkahwinan mereka, dan sememangnya Gail biasanya lebih peka daripada saya terhadap masalah perkahwinan. Jadi, saya melihat sumbangannya dalam hal ini suatu pembetulan bagi kecuaiannya.

Ketika kami berdua menceritakan mengenai perkahwinan kami dan mewakili rumahtangga kami secara awam, Gail akan bertanya kepada saya mengenai hal-hal tertentu kerana saya wakil kepemimpinan rumah kami sekalipun dia mampu menjawabnya. Adakala pula saya akan merujuk kepada dia. Dia tidak perlu merasa semua saya yang tanggung sekalipun saya yang mengurus kewangan kami. Kami berusaha mengambil keputusan bersama-sama. (Kalau ada kecemasan salah seorang daripada kami selalu mengambil alih – tidaklah berulang-ulang kali satu saja yang selalu dalam kecemasan ya!) Bila terdapat kebuntuan, kami menunggu, bekerja

dan berdoa sehingga kami berdua mendapatkan keputusan muktamad bersama-sama. Kami berpendapat mengambil keputusan bersama-sama dapat meningkatkan iman dan kehidupan kami, dan kami tidak merumuskan siapa yang lebih berpengaruh sahaja. Seseengah pasangan menyelesaikannya dengan memberi suami tanggungjawab tetapi kuasa tuntas ada pada isteri! Tetapi saya berpendapat pendekatan begini mudah terbuka kepada penyalahgunaan kuasa.

Jelas kepada saya, memberi perlindungan memang tanggungjawab bagi saya yang mengepalai kerana wanita biasanya lebih lemah secara jasmani berbanding dengan lelaki. Walaupun begitu, kita mesti mengakui kuasa wanita yang melampaui kita untuk menahan penderitaan jasmani. Sewaktu saya dan Gail berada dalam perjalanan yang berbahaya, saya berasa tanggungjawab saya untuk melindunginya. Melindungi bukanlah semata-mata tanggungjawab suami. Dalam banyak perkara Gail melindungi saya, terutamanya dalam hal perasaan saya.

Setiap perkahwinan berpotensi untuk menghasilkan anak-anak. Gail dan saya dikurniakan kesempatan menikmati tiga anak, kini mereka sudah berkahwin dan meninggalkan rumah kami. Seringkali ketika anak-anak masih muda, tidak digalakkan bagi seorang ibu untuk memperuntukkan atau menyediakan bagi keluarga kecuali ada kecemasan. Jadi, saya cuba berusaha memperuntuk bagi Gail, tetapi saya tidak menghalanginya dari bekerja di luar rumah. Dari masa ke semasa, kami berkongsi pekerjaan bergaji. Sebenarnya, kerja Gail dalam rumah walaupun tidak bergaji lebih penting daripada kebanyakan kerja yang saya kerjakan di luar. Jadi, betapa pentingnya kamu membincang tentang kerja, kewangan, anak-anak dan yang lain sebelum kamu berkahwin.

Saya percaya sebagai suami saya dipanggil untuk menjadi yang pertama memeluk kepemimpinan dalam rumah, sama ada merancang, memberi pendidikan Kristian sekeluarga, ataupun membesarkan anak-anak. Sering saya tidak berbuat sedemikian, jadi saya bersyukur apabila Gail mengambil kepemimpinan dan bukannya mengomel agar saya bersifat seseorang yang bukan sifat resmi saya atau berbuat sesuatu yang tidak saya ingini.

Gail melengkapinya saya untuk memimpin dengan menghargai kepemimpinan yang saya ambil. Saya dipanggil untuk menyambut dan menghargai segala langkah pertama yang diambilnya serta mengalu-alukan pendapat yang dikemukakannya. Gail bertolak ansur penuh terhadap keputusan bahawa tempat tinggal utama kami harus bergantung pada tempat kerja saya. Tetapi, saya telah berkeputusan dari sewaktu ke sewaktu untuk tidak berpindah walaupun ada kenaikan pangkat dan tawaran menarik kerana pekerjaan Gail dan pelayanan kami. Selain itu, kami menginginkan kestabilan bagi anak-anak kami. Dalam mengadakan hubungan seksual, saya yang mengambil langkah pertama untuk mengutarakan minat saya, tetapi saya gembira kalau Gail yang berbuat demikian. Saya sama sekali tidak merasa ini satu ancaman terhadap keberadaan saya sebagai suami atau ketua.

Padahal kami jarang bercakap perihal saya sebagai kepala atau ketua kecuali ada orang yang ingin mengetahui bagaimana peran sedemikian dilaksanakan dalam kehidupan kami. Tetapi kami sedar dari masa ke semasa tentang drama misteri yang sedang kami hidapkan dalam hidup kami. Kami mendapati cara perhubungan kami telah membawa kami lebih dekat dengan Tuhan dan meningkatkan iman kami. Kami semakin menyedari bahawa penekanan jadi

“suami isteri” bukan sekadar peran yang kami lakukan; sebagai umat istimewa kami sedang menyerupai Kristus dalam hidup kita dan juga melalui rumahtangga kami.

Jadi, itulah cara kami. Namun seandainya kamu sedang berfikir hal ini berbeza buat kamu sewaktu membaca tulisan saya, saya ingin meyakinkan ia harus *patut* berbeza, sebab ia perkahwinan *kamu*. Jadi, tulislah skrip kamu sendiri!

Perpaduan wujud dalam perbezaan, itulah misteri perkahwinan dan kepala pasangan juga salah satu cara kita menggambarkan perbezaan seksual dalam perkahwinan yang dicorakkan oleh Tuhan. Walau apa pun terjadi dalam masyarakat kita, orang Kristian patut terus merayakan perbezaan antara wanita dan lelaki, dan suami dan isteri. Inilah misteri mendalam, Paulus berkata dalam Efesus 5:32, sebab ia melibatkan Kristus dan Gereja. Kristuslah kunci keharmonian perkahwinan, bukan sekadar merumuskan tugas lelaki dan wanita. Seluruh kitab Efesus, Paulus menekankan bahawa dia tidak berminat terhadap uraian syarat-syarat tentang wanita, ataupun perihal saling menunduk. Tumpuannya ialah Kristus: dan rendahkanlah dirimu seorang kepada yang lain di dalam takut akan Kristus” (5:21); “Hai isteri, tunduklah ... seperti kepada Tuhan” (5:22); “Hai suami, kasihilah ... sebagaimana Kristus”(5:25); dan “... tetapi yang aku maksudkan ialah hubungan Kristus dan jemaat” (5:32).

Sebenarnya, Kristuslah penerima layanan yang kita berikan setiap hari kepada teman hidup kita. Dia jugalah ilhamnya. Rahsia sudah tersingkap, kita perlu hidupkan Injil dalam perkahwinan, rumahtangga, dan gereja kita. Efesus 5:21-33 tidak menggambarkan peran suami dan isteri Kristian melainkan ia suatu pernyataan rohani tentang perkahwinan. Mengasihi, menunduk kepada teman hidup,

dan menghormatinya sesungguhnya amalan ibadat kita.

C.S.Lewis, seorang pengarang, menggunakan perumpamaan busur dan tali pada selo dan biola. Kedua-duanya diperlukan untuk mengalunkan satu irama. Perpaduan dan keindahan bergema dengan satu busur dan satu tali bukan dengan sebuah bilik yang penuh dengan busur, atau sebuah bilik yang penuh tali.

Sesetengah orang lebih suka jika tiada misteri. Mereka hendak peran lelaki dan perempuan dituliskan dengan jelas. Mereka hendak hubungan diatur dengan kemas secara berpangkat. Mereka hendak peran jantina diimaktubkan dalam kerja dan aturan rasmi tentang siapa yang harus mengelapai. Yang lain hendak menyingkirkan misteri ini dengan mencipta segala barang dan benda uniseks, termasuk layanan antara suami isteri.

Bagi saya, saya akan menumpukan kehidupan sepanjang hayat saya terhadap penerokaan kerahsiaan besar ini. Perpaduan antara kedua-dua jantina tidak kurang daripada misteri Kristus. Melengkapi perkahwinan kita sendiri untuk suatu gabungan lelaki-perempuan yang seutuhnya memang amalan ibadat. Lewis berkata hal ini dengan wawasan mendalam, ‘kita bukan seperti bebatu yang diletakkan sebelah menyebelah melainkan kita bebatu yang menyangah tapak istana... Jadi kedua-dua berada pada pusatnya dan tidak ada yang tidak harus berada di sana kerana kedua-duanya sama.’³

Catatan

1. Satu contoh perdebatan ini boleh ditemui dalam buku yang penyuntingnya Carol Giligan, *Mapping for Moral Domain* (Cambridge, Mass: Harvard University Press, 1989) di mana Giligan mentafsir teori hierarki moral Kohlberg menjelaskan bahawa anak lelaki bertumbuh melalui beberapa tahap moral yang berakhir dengan membuat pilihan moral melalui keadilan yang abstrak, tetapi perempuan pula akan membuat pilihan moral dengan bertanya apakah akibatnya atas perhubungan atau kebahayaan akan didatanginya. Menurut Encik Giligan itu bukan tanda wanita lebih rendah kemampuan seperti yang dikatakan oleh Freud, Piaget, dan yang lain malah sebaliknya mereka memiliki kelebihan moral yang istimewa yang disumbangkan untuk hal-hal saksama.
2. Patricia Gundry, *Heirs Together. Mutual Submission in Marriage* (Grand Rapids, Mich:Zondervan, 1980, hal. 137).
3. Daripada C. S. Lewis. *Voyage to Venus: Prerelandra* (London: Pan Books, 1963), hal. 199, 201.

LATIHAN RINGKAS

Baca Efesus 5:22-33, dan kemudiannya bincangkan soalan-soalan yang berikutnya:

- ◆ Bagaimana memahami peran kepala atau perihal mengepalai boleh menolong kamu menentukan peran yang dibincangkan pada akhir bab 17?

- ◆ Mengapakah lebih baik membuat yang sesuai bagi perhubungan kamu daripada menepati yang diharapkan oleh orang lain daripada kamu?
- ◆ Peran suami isteri apakah yang dibentangkan oleh guru-guru Kristian yang dapat kamu terima? Yang tidak dapat kamu terima?
- ◆ Apakah maksud menjadi “suami” atau “isteri” kepada kamu sekarang?

Perbendaharaan Kata

1. Heading-mengepalai

Bab 19

Hadiah Perkahwinan Yang Kekal

Kamu boleh memberi calon teman hidup kamu sebuah hadiah perkahwinan yang tiada memerlukan kos kecuali masa kamu. Kamu boleh memberinya setiap hari kamu berdua hidup bersama-doa. Banyak pasangan hari ini ingin bersama-sama menelusuri perjalanan rohani mereka kerana mereka mempunyai sebab yang baik. Sesungguhnya, bukan sahaja badan dan minda kita yang berkahwin, jiwa kita juga. Untuk pasangan yang ingin bersama-sama mengasihi Pencipta, disiplin kerohanian yang terpenting ialah berdoa untuk satu sama lain. Berdoa dengan satu sama lain adalah hal yang hebat tetapi berdoa untuk satu sama lain lebih hebat lagi. Kamu boleh memberi hadiah ini apabila kamu bangun pagi-pagi, bila mencukur, atau mengeringkan rambut kamu, bila memandu ke tempat kerja atau kolej, bila berehat dalam kerusi yang empuk atau

mengasingkan diri ke tempat teduh untuk renungan dan doa. Biarlah saya menerangkan mengapa hadiah ini amat penting.

Pertama, *berdoa adalah satu cara mendapatkan pertolongan untuk perhubungan kita*. Bila kita berdoa untuk satu sama lain kita bekerjasama dengan Roh Kudus secara berterusan. Paulus memberitahu penduduk Roma bahawa “Demikian juga Roh membantu kita dalam kelemahan; sebab kita tidak tahu, bagaimana sebenarnya kita harus berdoa; tetapi Roh sendiri berdoa untuk kita kepada Allah dengan keluhan-keluhan yang tidak terucapkan. “Bila kita menjangkau untuk menyentuh suami / isteri kita secara emosional dan rohani, kadang-kadang kita terasa kita seakan-akan dalam perjalanan yang jauh. Tetapi berdoa untuk suami / isteri kita semacam melangkah di laluan yang bergerak atau eskalator. Roh sedang berdoa untuk orang yang kita sayangi; kita hanya menyertai-Nya. Berdoa adalah cara yang paling langsung untuk memperoleh pertolongan bagi perkahwinan kita. Ahli terapi kita selalu hadir bila-bila masa.

Kedua, *berdoa untuk satu sama lain memberi kita pandangan yang baru* – minda Kristus. Kita memusatkan perhatian kita terhadap kesilapan dan kelemahan kawan kita bahkan pada waktu kita berpacaran. Tetapi bila kita berdoa “kami tidak lagi menilai seorang jugapun menurut ukuran manusia” (2 Korintus 5:16). Kita mulai melihatnya sebagaimana Tuhan melihatnya, dengan kekuatan dan kemampuan menghargainya. Kita mendapat pengharapan Tuhan bagi teman hidup kita. Walaupun teman hidup kita tidak berubah, atau nampak macam tidak berubah, kita sendiri berubah dalam hal teramat penting yakni keperibadian

kita. Kita menerima kerana kita sudah diterima-Nya. Kita tidak menuntut kasih kita harus sejajar dengan syarat yang kita tetapkan kerana kita dikasihi-Nya tanpa syarat.

Ketiga, *doa untuk satu sama lain mencetus daya hidup kepada perhubungan*. Kita mendapati bahawa Kristus bukan sahaja 'pelekat' untuk perjanjian perkahwinan kita malah sebahagiannya. Tanpa-Nya perkahwinan kita seperti minuman ringan yang kehilangan ruapnya, basi dan tawar. Dengan-Nya, kehidupan walaupun dengan keadaan yang susah boleh menjadi ibadat. Petikan terkenal tentang perkahwinan dalam Efesus 5:21-33 tidak terutamanya mengambil berat tentang tingkah laku umat Kristian dalam perkahwinan tetapi ia menekankan perhubungan perkahwinan dengan Kristus. Suami di panggil untuk mengasihi sepertimana Kristus mengasihi (5:25). Isteri dipanggil untuk menghormati sepertimana jemaah menghormati Tuhan (5:22). Kedua-dua dipanggil untuk merendahkan diri satu sama lain sebagai salah satu daripada pelayanan mereka kepada Yesus (5:21). Ini suatu lingkaran keintiman. Apa yang kita lakukan kepada suami atau isteri kita persis apa yang kita lakukan kepada Yesus, yang kadangkalanya datang kepada kita sebagai saudara kita yang memerlukan bantuan (Matius 25:35-36,40). Semakin dekat kita kepada Kristus, semakin dekat kita kepada sesama kita. Semakin dekat kepada suami atau isteri kita semakin dekatlah kita kepada Kristus. Berdoa untuk satu sama lain ibarat memberi oksigen kepada perhubungan kita.

Keempat, *berdoa untuk satu sama lain mengekalkan hubungan dan membuatnya suci*. Kita cenderung menyimpan kiraan kesalahan, yang singkat, sebaliknya kita harus mencari pengampunan dan juga memberinya. Dalam Matius 5:23-24, Yesus berkata jika kamu mempersembahkan persembahanmu

di atas mazbah “dan engkau teringat akan sesuatu yang ada dalam hati saudaramu terhadap engkau, tinggalkanlah persembahanmu di depan mazbah itu dan pergilah berdamai dahulu dengan saudaramu, lalu kembali untuk mempersembahkan persembahanmu itu.” Kesedaran akan dosa kita dilhamkan ketika kita berada di hadirat Tuhan dalam doa. Tetapi seterusnya, memperdamai membawa kita ke keintiman yang lebih mendalam dengan Tuhan – curahan rahmat yang semakin melimpah.

Kelima, *berdoa untuk satu sama lain membawa keputusan yang baik*. Dalam doa, Tuhan menolong kita mengelakkan sesuatu yang memudaratkan. Tuhan terharu demikian juga kita. Sesuatu sedang berlaku. Tuhan tidak berjanji memakbulkan doa kita tepat persis jadual kita. Suatu hal yang pasti, kalau tiada orang berdoa tentu *tiada apa-apa* yang berlaku! Saya mengakui saya tidak dapat memahami dengan tepatnya *bagaimana* Tuhan menjawab doa, tetapi ia seperti ini: Yesus adalah Pengantara bukan sahaja antara Tuhan dan manusia tetapi juga antara suami dengan isteri, kawan dengan kawan, kawan dengan musuh. Jalan yang paling langsung kepada Allah hanya melalui Yesus, Pengantara kita. Dia dipengaruhi oleh doa kita tetapi Dia akan “menapisnya” mengikut apa yang paling baik dan tepat buat masa itu. Jadi, keputusan-Nya ibarat irama simfoni kemahuan yang mempengaruhi semua orang tetapi tiada orang dimanipulasikan. Seseengah perkara tidak dapat berlaku kepada pasangan kita kecuali kita berdoa. Tuhan akan memastikan tidak kiranya bagaimana kita berdoa keputusannya akan berfaedah dan tidak membinasakan.

Keenam, *berdoa untuk satu sama lain akan memenuhi keperluan yang paling mendesak*. Apa yang

paling kita perlukan bukanlah pasangan yang telah berubah tetapi suatu kehidupan yang dipenuhi dengan kebaikan Tuhan. Seseorang pernah ditanya, “Jika Tuhan kamu sebaik yang kamu katakan dan mengetahui apa yang kamu perlukan sebelum kamu memohon-Nya, kenapa pula kamu perlu memohon-Nya?” Jawapan yang diberi adalah menakjubkan: “Bagaimana kalau kita katakan Tuhan mengetahui yang paling kamu perlukan ialah Diri-Nya, dan doamu peluang-Nya yang terbaik untuk memberi Diri-Nya kepada kamu?” Kita memerlukan Tuhan lebih daripada kita memerlukan suami atau isteri kita. Suami atau isteri kita memerlukan Tuhan lebih daripada mereka memerlukan kita. Suami atau isteri kita perlu kita memerlukan Tuhan daripada dirinya. Keperluan pasangan kita yang mendalam dapat dipenuhi sebahagiannya kalau keperluan kita pertama dipenuhi Tuhan kita. Jadi, kamu mempunyai enam sebab untuk mendoakan suami atau isteri kamu. Mana-mana satu sebab pun menjadi alasan mantap untuk menghulurkan pemberian doa kamu setiap hari dalam perkahwinan kamu. Mulakannya hari ini juga.

LATIHAN RINGKAS

Cari tempat yang sunyi untuk berdoa sendiri. (Kemudiannya berdoa di mana-mana). Gunakan doa Paulus dalam Efesus 3:14-21, kamu boleh berdoa untuk calon teman hidup kamu dalam cara ini :

- ◆ Berdoa untuk kekuatan batinnya. “Aku berdoa supaya Ia menurut kekayaan kemuliaan-Nya, menguatkan dan meneguhkan kamu oleh Roh-Nya di dalam batinmu” (3:16).
- ◆ Berdoa untuk ketulusan kerohanian, persahabatan peribadi bersama Tuhan: “sehingga oleh iman Kristus diam di dalam hatimu.” (3:17).
- ◆ Berdoa untuk suatu pengalaman dicintai oleh Tuhan dengan lebih mendalam lagi. “ ... dan kamu berakar serta berdasar di dalam kasih. Aku berdoa supaya kamu bersama-sama dengan segala orang kudus dapat memahami betapa lebarnya dan panjangnya dan tingginya dan dalamnya kasih Kristus”(3:17-18). Kamu boleh berdoa untuk permohonan ini dalam perhubungan, sikap, matlamat, pekerjaan dan keyakinan diri.
- ◆ Berdoa untuk suatu jaminan dikasihi dengan lebih mendalam daripada hanya sekadar pengetahuan minda sahaja, “dan dapat mengenal kasih itu, sekalipun ia melampaui segala pengetahuan” (3:19).
- ◆ Berdoa untuk dipenuhi kehadiran dan kuasa Tuhan yang berterusan: “supaya kamu dipenuhi di dalam seluruh kepenuhan Allah” (3:19).
- ◆ Berdoa untuk perhubungan yang mesra dengan semua orang kudus Tuhan supaya semua yang disebutkan di atas akan “bersama-sama dengan segala orang kudus” (3:18).

Bab 20

Bala Tentera Dua Orang

Perkahwinan saya tidak bebas dari konflik sama sekali, namun Gail dan saya sudah menikmati tahap penyelesaian dan damai yang luarbiasa dalam hubungan kita. Kami menganggap perkahwinan bukanlah usaha mencapai sesuatu melainkan suatu kurnia yang berharga. Seringkali kurnia ini kami rasakannya lebih-lebih lagi apabila kami mengalami konflik yang berpunca lebih dari luar bukan daripada kami sendiri. Buat apa kami berperang terhadap satu sama lain sedangkan kami sedang berhadapan dengan musuh sama?

Sahabat-sahabat rohani *mesti* berperang bukan terhadap sesama sebaliknya terhadap yang dipanggil Paulus “pemerintah-pemerintah dan penguasa-penguasa” (Efesus 6:10-20). Jika kalian pasangan dalam Kristus, kalian berada dalam konflik kosmik dengan masyarakat, kebudayaan,

alam rohani, dan syaitan sendiri. Sebagai bala tentera dua, kamu mesti membangun satu pemahaman yang hidup seperti tercatat dalam Pengkhotbah 4:12 “Dan bilamana seorang dapat dialahkan, dua orang dapat bertahan. Tali tiga lembar tak mudah diputuskan.” Kalau suatu perang tercetus, dua askar masih bertempur terhadap sesama, sebenarnya mereka sedang mengalih ke arah salah dengan bahayanya. Tidak seperti perang manusiawi yang lain, perang melawan kejahatan itu baik kerana ia berusaha menyelesaikan masalah dasar dalam perkahwinan.

GODAAN

Kita memerlukan seluruh perisai Allah untuk bertempur dalam garis depan pertempuran dengan kejahatan (Efesus 6:13). Setiap pasangan Kristian diserang dari setiap penjuru dengan pelbagai cara. Mungkin serangan yang paling licik adalah godaan berahi, sekularisme yang tidak mementingkan Tuhan dalam nilai moral dan pendidikan, relativisme yang tidak mementingkan nilai moral yang tetap.

Sensualisme terjadi apabila pemuasan pancaindera menghalangi kita daripada berfikir atau berdoa. Budaya kita hanya mementingkan pemuasan tubuh. Kebanyakan iklan-iklan dalam bas, keretapi atau televisyen mementingkan pemuasan tubuh dan pengalaman sensual: tubuh mesti diberi makan, disemur minyak wangi, diminyaki, dilindungi, dikemaskan, dan diransangkan. *Sensualisme yang sihat* dijelaskan dalam Kitab Suci seperti yang disaksikan dalam kidung cinta yang diilhami dalam Kidung Agung. Orang yang beragama Kristian boleh bersyukur atas kebaikan

seks dan bukan menganggapnya sebagai dewa. Kesukaan terhadap tubuh sesama sendiri adalah suci khususnya apabila yang dikasihinya lebih daripada sekujur tubuh tetapi teman perjanjian dan sahabat rohani.

Tanpa perlindungan perjanjian perkahwinan, seks hanya memberangsangkan sahaja dan kalau hanya digunakan semata-mata bagi tujuan ini, ia boleh diperalatkan iblis. Ia menguasai sehingga kita menuntut lebih dan lebih lagi. Sesetengah pasangan Kristian mencari nikmat seksual yang berlebihan. Tetapi seks yang semata-mata untuk memberangsang tertakluk kepada hukum kepuasan yang semakin mengurangi. Betapa banyak tekanan kebudayaan semasa hanya memusatkan pada kelamin dan hal ini semakin meledak.

Perhatikan kesan *sekularisme*. Seseorang memberi definisi sekularisme sebagai “semua ini hanya ada pada isme.” Sekularisme mengatakan bahawa manusia boleh hidup tanpa Tuhan. Tidak ramai Kristian mempercayai pernyataan ini tetapi ramai yang hidup seperti Tuhan seakan-akan sudah mati, seperti seorang ateis (orang yang tidak mengakui adanya Tuhan). Perkahwinan mereka seperti rumah yang dilengkapi kabel elektrik tetapi suis utama dipadamkan. Mereka tidak bersandar kepada Tuhan dengan bersemangat setiap hari. Seandainya Allah menarik balik Roh Kudus-Nya dari rumah mereka, mereka masih akan pergi kerja, merancang percutian mereka, mengurus rumah seperti biasa, dan terus bermegah atas pencapaian mereka. Sekularisme, dan kawannya *materialisme* (*kebendaan*), masuk ke dalam perkahwinan kita seperti kabus.

Relativisme adalah kepercayaan bahawa segala kemutlakan usang belaka. Segala sesuatu hanya bersifat relatif. Semua cinta bersyarat. “Bagaimana jika” dikemukakan

dalam setiap klausa, termasuk perjanjian perkahwinan yakni bukan lagi “untuk kebaikan, untuk keburukan, selagi kami berdua masih hidup”, tetapi “untuk kebaikan, untuk kekayaan, untuk kesihatan, selagi kami berdua masih bercinta ... melainkan ia masih bertahan.” Kebanyakan pasangan yang menampilkan diri untuk perkahwinan dalam gereja tidak sedar bahawa mereka mempunyai *celah-celah* emosi yang dipengaruhi oleh unsur-unsur budaya dalam ikrar perkahwinan mereka. Ikrar yang mengikat mereka bukan merupakan ikrar yang memeteraikan tetapi ikrar niat sahaja.

STRUKTUR KEJAHATAN

Untuk berkahwin selama-lamanya pada masa kini seseorang mesti berperang rohani. Paulus menggunakan empat istilah atau frasa yang tepat dalam Efesus 6:12 untuk menggambarkan konflik besar yang kita alami. Yang pertama adalah *pemerintah (pintu gerbang)*. Bahasa asalnya merujuk bukan sahaja kepada pemimpin tetapi juga kepada alam kehidupan duniawi yang menjadi alat kejahatan di sebalik tabir – syaitan. *Pemerintah* termasuk pemerintah politik, budaya, korporat, bahkan pemimpin agama, diwakili oleh nama-nama yang disiarkan dalam majalah *Time*. Sebab pemimpin biasanya banyak korupsi yakni suka makan suap dan merampas, maka begitu jugalah undang-undang, budaya, lembaga, dan struktur yang mengatur kehidupan dalam masyarakat. Paulus merujuk kepada *kuasa (exousias)*, atau pihak berkuasa yang berkuasa mengambil keputusan bagi masyarakat. Orang sebegitu biasanya membuat kita terasa tidak berdaya mengawal

kehidupan kita sendiri. Seterusnya *kuasa dunia gelap ini (kosmodrator)*, kuasa yang menguasai – sama ada mereka berhasrat atau tidak berhasrat berbuat begitu – dunia budaya, sosial, politik dan agama. *Kuasa rohani yang jahat dalam alam syurga (pneumatika)*, atau pencemaran rohani dalam dunia kita sekarang wujud juga. Paulus mengisytiharkan yang hidup kita sekarang disusup oleh kuasa asing, kuasa, dan segolongan orang yang ingin menguasai kita. Kita tidak dapat melarikan diri sepenuhnya dari ini dalam Gereja, dan perkahwinan Kristian tidak memberi perlindungan kealiman yang termeterai.

Dalam suatu perbincangan lewat malam saya dengan murid-murid teologi di Kenya, saya dapat melihat peperangan rohani dalam hal perkahwinan dari sudut lintas budaya. Saya terkejut dengan beberapa soalan.

“Walimu (yang bermakna guru), bagaimana kita akan tahu sama ada isteri kita dapat beranak kecuali kita mempunyai anak sebelum kita berkahwin? Bukankah sudah terlambat jika kita mengetahuinya hanya selepas berkahwin!”

Saya menjawab bahawa tujuan perkahwinan alkitabiah pertamanya untuk persahabatan dan kedua untuk melahirkan anak. “Mampukah kamu mempercayai Tuhan untuk kehidupan bersama yang penuh dalam Kristus sekalipun tidak direstui seorang anak?” tanya saya.

“Tetapi Walimu, jika kamu mendapati kamu hanya melahirkan anak-anak perempuan, salahkah kamu mengahwini isteri yang kedua bagi mendapat seorang anak lelaki?”

Gail dan saya menjawab, “Dapatkah kamu memberitahu kami dari Alkitab mengapa anak lelaki lebih penting daripada anak perempuan? Bukankah keduanya sama-sama berharga kepada Tuhan dan ibu bapa

Kristian?” Kami bukan sahaja berurusan dengan budaya sosial malah juga lembaga perkahwinan yang bersifat keberhalaan dalam kehidupan sendiri, yang dipilih bersama-sama syaitan. Saya menjemput pelajar-pelajar untuk memeriksa budaya mereka dari sudut pandangan Alkitab dan bukan sebaliknya. Tetapi saya tahu saya sendiri patut berbuat demikian juga.

Buat sesaat ini, fikiran saya beralih dari “budaya demi kelangsungan hidup” kaum Kenya yang berkahwin demi untuk kerja (kerja yang kebanyakan dilakukan wanita) dan untuk pemeliharaan keluarga, dan saya sekali lagi kembali kepada “budaya identiti” Amerika Utara, di mana perkahwinan adalah untuk kebahagiaan, pemuasan peribadi, memantapkan diri, dan mengenali diri sendiri. Saya tertanya-tanya sama ada *kebaikan* lembaga perkahwinan telah dijajah dengan malangnya oleh musuh kita lebih-lebih dalam dunia kita daripada dunia sahabat-sahabat Kenya saya.

Akhirnya saya berkata, ”Dalam negara saya mengejar kebahagiaan dan pemuasan peribadi sehingga ia menjadi idola. Demi menyembah idola ini kami berbuat yang berlawanan sama sekali dengan kawan-kawan Kenya. Kalau boleh, kami melahirkan kurang anak, dan menggugurkan janin yang tidak kita ingini. Alangkah sukar bagi saya mengakui hal ini tetapi saya mengetahui dengan mendalam untuk berkahwin sehayat dan demi Allah, kita terlibat dalam perang-iman, berjuang untuk membentuk lembaga perkahwinan kita sehingga sejajar dengan yang alkitabiah tanpa mengira sesuatu negara atau budaya.

MUSUH

Di Afrika, di mana saya sedang menulis bab ini, gereja sini berpengalaman matang dalam mengatasi kuasa iblis melalui kuasa Kristus. Saya berpendapat kita boleh belajar lebih tentang tanda-tanda dan mukjizat daripada Afrika terutamanya hal berurusan dengan syaitan sendiri. Paulus berkata bahawa Gereja – dan ini termasuk gereja-kecil suami isteri - patut “kenakanlah seluruh perlengkapan senjata Allah, supaya kamu dapat bertahan melawan tipu muslihat Iblis” (Efesus 6:11). Dua kebahayaan muncul ketika kita menghadapi syaitan dalam perang rohani: satu terlalu memperberat masalah iblis dalam perang rohani, atau sebaliknya meremehkan iblis sama sekali.

Kalau kita terlalu memperberat syaitan, kita memberinya terlalu banyak perhatian dan terlalu asyik memenuhi waktu terhadap serangannya. Syaitan jika difahami dengan benarnya dari pandangan alkitabiah adalah satu orang yang ‘kecil’ yang telah ditewaskan bila Kerajaan Tuhan dimulakan (Wahyu 11:15). Hari kiamat bagi syaitan pasti menjelang. Dia sedang melancarkan serangannya yang terakhir di dunia ini sebab dia telah dilemparkan keluar dari syurga (Wahyu 12:10-12). Dia bukanlah Maha Kuasa, Maha Tahu mahupun Maha Hadir.

Tetapi kita boleh juga khilaf atau silap jika tidak cukup berhati-hati terhadap syaitan. Ada pun orang yang berfikir kurang tentang aktiviti syaitan, dan ada pula yang melebih-melebihkannya! Tiada satu pasangan pun dalam Kristus boleh meremehkan kenyataan musuh yang dahsyat terhadap perkahwinan mereka iaitu makhluk yang jahat dan seram yang mempunyai sifat-sifat yang berazam menarik

kita daripada bersandar kepada Allah. Syaitan adalah musuh terhadap persahabatan rohani kita kerana ia tahu kuasa ajaib yang terdapat dalam kesatuan kita dengan Kristus. Syaitan tidak akan datang kepada kita dengan pendekatan yang jelas bersifat dirinya tetapi dalam tindakan yang seakan-akan rohani – misalnya mengutuk sesama pendosa. Dia dipanggil penuduh saudara (Wahyu 12:10), dan pasangan teman hidup mungkin bersuhabat dengannya tanpa diketahui bahawa syaitan menyertainya sewaktu dia mengutuk seorang anak Tuhan iaitu suami atau isteri sendiri.

Tetapi pelahap yang paling biasa bagi syaitan dalam perkahwinan Kristian ialah keengganan untuk mengampuni: “Apabila kamu marah, janganlah sampai melakukan dosa. Jangan kekalkan kemarahanmu hingga matahari terbenam, dan jangan beri tempat kepada iblis” (Efesus 4:26-27). Kegagalan untuk mengampuni dengan secepat mungkin akan memberi peluang kepada kita untuk meragukan kebaikan Allah dan teman hidup; dan akhirnya menimbulkan kepahitan. Syaitan hendak memisahkan keluarga Tuhan; dan ia berazam memisahkan perkahwinan Kristian.

Saya menyimpulkan dengan sedih bahawa keretakan perkahwinan pemimpin Kristian di Amerika Syarikat dengan meleluasa adalah sebahagian daripada muslihat jahat dari kuasa alam kegelapan yang tanpa kita sedari kita telah membantu dan bersuhabat dengannya. Biarlah dikatakan mengenai kita, “supaya Iblis tidak mendapat keuntungan, kerana kita mengetahui tujuan-tujuannya” (2 Korintus 2:11).

MELUCUT KUASA-KUASA

Godaan iaitu serangan tersusun rapi dan mendatangkan kematian daripada Musuh kita. Kita memang diperhadapkan pelbagai musuh yang hebat. Tak hairanlah kalau Paulus mengatakan bahawa kita *tidak* bergelut dengan daging dan darah. Tetapi Paulus menyuruh kita memakai perisai penuh Allah *bukan* sebab perang terlalu hebat sehingga kita mungkin tidak menang sebaliknya *perang sudah dimenangi dengan besar*. Kejahatan yang menjejaskan memerlukan penyelesaian yang menyeluruh. Paksi dunia mesti dipindahkan. Tingkat kemampuan untuk melakukan ini mesti berpangkalan dari luar dunia; salib Yesus yang lemah adalah pengungkit yang menggerakkan dunia, suatu kekuatan melalui kelemahan “Senjata-senjata kami bukanlah benda-benda duniawi tetapi kekuatan ilahi untuk meruntuhkan benteng-benteng” (2 Korintus 10:4).

Kematian Yesus bukan sahaja menyelamatkan kita daripada dosa manusiawi tetapi ia melucutkan juga kuasa jahat. Kebangkitan Yesus memberi bukti nyata bahawa godaan, kejahatan yang tersusun rangkanya, tipu muslihat Iblis, dan musuh yang terakhir iaitu kematian sudah ditewaskan-Nya. “Baik singgasana, mahupun kerajaan, baik pemerintah, mahupun penguasa” (Kolose 1:16) yang dicipta oleh Kristus dan yang dikuasai oleh Iblis sekarang boleh dicipta semula *bagi* Kristus. Inilah misi Gereja (Efesus 3:10), “supaya sekarang oleh jemaah diberitahukan pelbagai ragam hikmat Allah kepada pemerintah-pemerintah dan penguasa-penguasa di syurga” (Efesus 3:10). Perang rohani memang peperangan yang pelik, sebab sebaik sahaja kita menakluk musuh, kita membina

semula kerajaan musuh serta merugikan diri dengan piawaian baru.

SESUATU UNTUK DIBUAT! MELENGKAPKAN TENTERA DUA ORANG

Untuk pertempuran hebat ini semua pasangan hidup memerlukan senjata perlengkapan Allah yang lengkap. Bila kamu membaca Efesus 6:13-18, pakailah setiap senjata perlengkapan Allah secara sedar baik melalui doa senyap mahupun doa nyaring.

“Berikatpinggankan kebenaran” bermakna kejujuran dan ketulusan yang lengkap, atau “tetapi dengan teguh berpegang kepada kebenaran di dalam kasih” (Efesus 4:15). Inilah “pakaian dalam” yang dipakai oleh orang Kristian. Untuk pasangan hidup, ini bererti bersikap benar terhadap sesama. *Berikatpinggankan kebenaran* bererti hidup dalam kesalihan dan dibenarkan oleh iman, dan diberikan kebenaran Kristus (2 Korintus 5:21).

Kaki kita mesti *dipasangkan dengan kesediaan yang diperoleh daripada Injil damai*. Salah satu sebab askar-askar Romawi berjaya ialah kasut mereka yang bertebaran tebal membolehkan mereka berjalan jarak jauh. Setiap pasangan yang bersedia melibatkan diri dalam penginjilan kepada mereka yang belum percaya tidak hanya dikuatkan tetapi juga dilindungi; suatu kesediaan untuk pergi demi Injil. Misi adalah perlengkapan senjata rohani.

Perisai iman merupakan imej yang serupa perisai kulit askar Rowani yang bujur dan dipakai sebagai perlindungan dari peluru berpandu musuh yang menyala-nyala.

Kepercayaan kepada Tuhan dengan sepenuh hati adalah perisai penangkis peluru setiap Kristian, perisai yang tidak dapat ditusuk serta mampu memesongkan serangan Syaitan.

Ketopong penyelamatan memberi jaminan penyelamatan yang genap, yang melindungi aliran fikiran kita, dan pedang Roh ialah firman Allah yang dikhutbahkan atau disebutkan. Tidak ada bumi dalam dunia ini yang digenggam oleh Iblis sehingga tiada satu pasangan Kristian tidak dapat dipanggil untuk melayani di sana. Kita dapat merempuh gerbang neraka bersama-sama (Matius 16:18).

Bahagian-bahagian perisai Kristian yang disebutkan merupakan pelbagai cara untuk mengenakan Kristus dalam doa kita. Dengan *ketulusan Kristus*, kita boleh memberitahu kebenaran sesama sendiri. Dengan *kebenaran Kristus*, hati kita dilindungi. Dengan *Injil Kristus*, kita tidak akan berat tulang. Dengan *beriman dalam Kristus* serangan syaitan dialihkan tanpa kita sedari. Dengan jaminan penyelamatan *dalam Kristus*, aliran fikiran kita dilindungi. Dan dengan iman Kristus dalam hati dan bibir kita, musuh kita tidak dapat menyembunyikan diri.

Bab 21

Mengapa Yesus Menghadiri Majlis Perkahwinan

Atas sebab perkahwinan begitu duniawi, begitu memerlukan usaha, begitu peribadi, ia adalah laluan khas kepada Tuhan. Kita mempunyai Tuhan yang datang ke bumi, mengambil bentuk manusia, dan menjadi anggota sebuah keluarga. Kita mempunyai Tuhan yang suka tinggal dalam perjanjian.

Panggilan Tuhan untuk penyerahan dan penundukan kepada teman hidup dalam perkahwinan memang satu undangan untuk melunakkan hati yang keras dan yang perlu dibajak

serta dialur oleh Tuhan, namun bukan dalam gereja yang berkumandang koir ataupun dengan pertolongan pendeta. Sebaliknya, kerja rohani ini terjadi sewaktu kita bersarapan gandum dingin, sewaktu kita berusaha membayar semua bil dengan kewangan kita yang terbatas, dan juga sewaktu kita dalam keintiman bilik tidur dan rindu berkata, “Saya mencintai kau” dengan cara yang istimewa dan cara yang peribadi.

Untuk menyerahkan diri kepada teman hidup kita, kita mesti menyambut penjelmaan teman hidup kita dalam hidup, menyerupai teman hidup kita, memikul beban dan kelemahan teman hidup atas bahu diri sendiri. Kehidupan perkahwinan seperti hidup dengan mematikan diri, perjalanan harian yang menyangkal diri. Namun melalui kerjasama kita dengan teman hidup kita dalam kasih, kematian berubah menjadi kebangkitan. Ini menjadikan setiap hari perkahwinan kita bagai Natal, Jumaat Agung, dan Hari Kebangkitan Ahad yang digulungkan menjadi satu. Tidak hairanlah Yesus ingin menghadiri dalam perkahwinan kita.

Upacara perkahwinan amat penting dalam kehidupan, pelayanan dan ajaran-ajaran Yesus. Sebagai seorang anak, Dia mungkin mengikut orang ramai untuk melihat perkahwinan di Nazaret, kampung halaman-Nya. Kanak-kanak akan berdiri di tepi untuk melihat orang menari, makan dan merayakannya. Hari berikutnya, mereka akan meniru majlis tersebut sewaktu bermain masak-masak.

Permainan kanak-kanak jelas wujud pada zaman Yesus kalau kita meneliti ajaran-Nya:-

“Dengan apakah akan Kuumpamakan angkatan ini? Mereka itu seumpama anak-anak yang duduk di pasar dan berseru kepada teman-temannya:

Kami meniup seruling bagimu, tetapi kamu tidak menari,
Kami menyanyikan kidung duka, tetapi kamu tidak
berkabung.

Kerana Yohanes datang, ia tidak makan, tidak minum,
dan mereka berkata: dia kerasukan syaitan. Kemudian Anak
Manusia datang, Dia makan dan minum, dan mereka berkata:
Lihatlah, Dia seorang pelahap dan peminum, sahabat pemungut
cukai dan orang berdosa. Tetapi hikmat Allah dibenarkan
oleh perbuatan-Nya” (Matius 11:16-19).

“Mari kita bermain majlis perkahwinan,” ajak
beberapa kanak-kanak. Tetapi, kanak-kanak yang diundang
oleh mereka, tidak ada keinginan untuk bermain. Hal ini
mengingatkan kita kepada ajaran Kristus. “Siapa gembira hari
ini?” (Yesus mengibaratkan kedatangan-Nya dengan satu majlis
perkahwinan manakala bersama Yohanes mengibaratkannya
bagai menghadiri upacara perkabungan). Kanak-kanak yang
lain pula berkata, “Mari bermain upacara perkabungan.” Namun
tiada sesiapa yang ingin bermain sebegitu. Jadi kanak-kanak
Nazaret tidak dapat bermain. Tiada sesuatu yang menyenangkan
hati mereka.

Tetapi Yesus tidak sahaja “berlakon” atau “bermain
masak-masak” dalam majlis perkahwinan. Dia menghadiri
perkahwinan itu. Yesus melakukan mukjizat-Nya yang pertama,
menurut Yohanes, dalam majlis perkahwinan. Wain telah habis
di suatu jamuan di Kana. Yesus berada di sana, dan gurauan
tercetus terbahak-bahak apabila Dia membawa kegembiraan
dan mukjizat pada hari istimewa ini. Emak-Nya ingin Dia
memakai kuasa ghaib-Nya untuk membuat wain. Perbuatan
itu menyelamatkan tuan rumah dari rasa malu yang besar.
Tetapi dengan budi bicara yang baik, Yesus telah mengubah
air menjadi wain. Pelayan tertanya-tanya mengapa wain yang

terbaik dihidangkan pada saat terakhirnya. Hanya pengikut-pengikut dan hamba-hamba mengetahui sumber wain ini. Dalam melaksanakan keajaiban ini, Yesus mengisytiharkan Diri-Nya sumber kegembiraan yang sebenarnya bagi mereka. Dialah Tuan Rumah dan Tetamu yang Tertinggi dan yang boleh dipercayai.

Salah satu gambaran yang paling menakjubkan dalam Alkitab ialah Yesus berada di majlis perkahwinan-Nya Sendiri. Kali ini, Dialah Mempelai yang Teragung.

Dalam buku Wahyu, buku yang terakhir dalam Alkitab, Yohanes memberi ilham kepada kita dengan penglihatan hari kiamat dunia, Kedatangan Kali Kedua Yesus, dan jawapan kepada doa harian kita, “Datanglah Kerajaan-Mu.” Hari kiamat dunia tidak akan berakhir dengan kelenyapan dan letupan, tetapi dengan Kedatangan Kali Kedua Yesus. Upacara yang diberkati ini sebuah majlis perkahwinan mulia. Satu malaikat memberitahu Yohanes, “Berbahagialah mereka yang diundang ke perjamuan kahwin Anak Domba.” Maksudnya lebih mendalam daripada sekadar metafora sahaja. Hal ini memang sukar kita selami. Syurga tidak berakhirnya dengan perkahwinan tetapi suatu pengalaman perkahwinan yang berkekalan.

Orang yang menerima Yesus Kristus dalam kehidupan ini belum dikahwini kepada Kristus. Paulus mengibaratkan perhubungan iman kita dengan Kristus sebagai suatu pertunangan. Dalam dunia purba, pertunangan memeteraikan sepertimana perkahwinan tetapi tidak melibatkan penyempurnaan seksual namun hanya dapat dipisahkan melalui penceraian. Jadi, Paulus memberitahu jemaah di Korinth, “Kerana aku telah mempertunangkan kamu kepada satu laki-laki untuk membawa kamu sebagai

perawan suci kepada Kristus” (2 Korintus 11:2). Sebagai orang beragama Kristian, kita dipertunangkan kepada Kristus sekarang, belum ada kesatuan yang muktamad dalam kehidupan ini.

Menjadi seorang Kristian ibarat menghadiri majlis perkahwinan dan berfikir itu perkahwinan orang lain, tetapi menemukan bahawa seluruh jamuan itu untuk kita sehingga kita teramat gembira. Dipertunangkan kepada Kristus seperti menghadiri majlis perkahwinan kita sendiri tetapi mendapati bahawa ia hanya satu latihan untuk perkahwinan termulia dan tertinggi, suatu peristiwa yang lebih menakjubkan daripada yang boleh dilihat baik oleh mata mahupun didengar oleh telinga.

Jadi, tidak hairanlah kalau Yesus begitu berprihatin terhadap persiapan majlis perkahwinan (Matius 25:1-13), dengan jemputan majlis perkahwinan (Matius 22:1-14), dan dengan pakaian majlis perkahwinan (Matius 22:11-14; Wahyu 19:7-8). Dan kita juga harus juga berprihatin juga. Pastikan yang kita pakai ke majlis perkahwinan yang terakhir itu bukan kain buruk iaitu kebaikan kita sendiri, tetapi jubah kebenaran yang kita pakai apabila kita meletakkan diri dalam tangan Yesus, mempercayai bahawa kematian-Nya memadai untuk membawa kita kepada Allah. “Kerana hari perkahwinan Anak Domba telah tiba, dan pengantin-Nya telah bersiap sedia. Dan kepadanya dikaruniakan sebagai memakai kain linen halus yang berkilau-kilauan dan yang putih bersih!”.

Hak kita dipertunangkan bagi perkahwinan yang menjelang datang daripada Mempelai Lelaki dan bukan diri kita. Jika seseorang bertanya, “Bolehkah sesiapa dapat membuktikan sebab mengapa dua orang ini (Kristus yang

tidak bersalah dengan orang berdosa) tidak dapat disatukan menurut undang-undang?” Musuh (Iblis) kita pun tidak dapat menunding. Kita memang tidak seimbang. Perjanjian penyelamatan diwujudkan berdasarkan anugerah. Pelayanan kita yang sungguh-sungguh dan penuh kasih mengalir bukan akibat manfaat yang kita terima kerana perjanjian ini, tetapi hasil rasa kesyukuran yang tak terhingga atas pemberian untuk bersama mempelai dalam perjanjian itu.

Kemuliaan masa depan dan kenikmatan jamuan perkahwinan Anak Domba diberikan kepada semua yang dipunyai Kristus, Anak Domba Allah. Keberhargaan yang tertinggi untuk para pengikut Yesus adalah menjadi isteri Anak Domba (Wahyu 21:9). Perkahwinan muktamad itu memberi ilham bagi perkahwinan kita sendiri dalam kehidupan ini. Kita semua akan menjadi suami ataupun isteri yang lebih baik sekarang jika kita tidak ingin apa-apa selain menjadi isteri-Nya kelak!

Jadi, bila kamu menghantar undangan ke majlis perkahwinan kamu, mengapa tidak menjemput Yesus? Dia telah menjemput kamu ke majlis-Nya.